



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***ASPEK TARBIAH DALAM NOVEL KANAK-KANAK SAYEMBARA
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BERDASARKAN
PENDEKATAN TARBIYATUL AULAD FIL ISLAM
OLEH ABDULLAH NASHIH ULWAN***

MOHD SHUKREY BIN AHMAD

FBMK 2022 13



**ASPEK TARBIAH DALAM NOVEL KANAK-KANAK SAYEMBARA
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BERDASARKAN
PENDEKATAN *TARBIYATUL AULAD FIL ISLAM*
OLEH ABDULLAH NASHIH ULWAN**

Oleh

MOHD SHUKREY BIN AHMAD

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2021

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang dinyatakan daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Umi dan Abah ku
AKLIMA BINTI BAL
AHMAD BIN SAID
Doa pada Ilahi membawa kejayaan anak mu

Isteriku
NUR ATIKAH BINTI MAT ARIFF
&
Anakku
MUHAMMAD SAIF ADNI
MUHAMMAD SYAF ADYAN
Semoga menjadi inspirasi untuk kalian menempa kejayaan

Adik-beradik kesayangan
SITI AISHAH
MOHD HAFIZUL HUSSAINI
MUZZAMEL
ELYA SYAFIKA
Nasihat yang diberi membakar semangat juang. Terima kasih kepada semua

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**ASPEK TARBIAH DALAM NOVEL KANAK-KANAK SAYEMBARA
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BERDASARKAN
PENDEKATAN *TARBIYATUL AULAD FIL ISLAM*
OLEH ABDULLAH NASHIH ULWAN**

Oleh

MOHD SHUKREY BIN AHMAD

Ogos 2021

Pengerusi : Prof. Madya Kamariah binti Kamarudin, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Perkembangan novel kanak-kanak di Malaysia dimeriahkan dengan penganjuran sayembara penulisan sebagai usaha mendapatkan karya yang bermutu untuk pembaca. Sehubungan itu, Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai badan berkanun yang berperanan mengembangkan bidang kesusasteraan telah menganjurkan pelbagai siri sayembara dan anugerah penulisan berkaitan novel kanak-kanak sejak dahulu lagi. Usaha ini juga turut disokong dengan kajian akademik di peringkat universiti bertujuan meletakkan genre novel kanak-kanak di aras yang terbaik. Sejajar dengan itu, penelitian terhadap kajian lepas mendapati terdapat lompang kosong berkaitan kajian novel kanak-kanak berunsur Islam. Hal ini demikian kerana majoriti pembaca novel di negara ini beragama Islam dan berbangsa Melayu, maka perkara ini perlu diberi perhatian. Tambahan pula, terdapat beberapa pandangan yang menyatakan novel kanak-kanak masih lagi kurang menerapkan aspek pembentukan sahsiah serta tidak mencapai mutu penulisan yang sebenar. Oleh itu, perkara ini perlu ditangani menggunakan suatu pendekatan yang bersesuaian dengan keperluan pembaca sasaran iaitu pendekatan berteraskan agama Islam. Oleh itu, kajian akan meneliti novel kanak-kanak yang memenangi sayembara penulisan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka bermula tahun 2006 sehingga 2016. Sepanjang tempoh tersebut hanya tiga belas buah novel sahaja yang berjaya diterbitkan dan perkara tersebut melibatkan empat siri penganjuran sayembara kanak-kanak. Antaranya, Hadiah Sastera Perdana Malaysia bagi kategori C novel kanak-kanak, Sayembara Menulis Novel Kanak-kanak dan Remaja DBP 2006/2007, Sayembara Menulis Novel dan Skrip Drama Kanak-kanak dan Remaja DBP 2009/2010 serta Sayembara Menulis Novel Angkasa DBP 2013/2014. Sejajar dengan itu, kajian ini telah menerapkan pendekatan *Tarbiyatul Aulad Fil Islam* oleh Abdullah Nashih Ulwan sebagai kerangka analisis bertujuan untuk mengenal pasti aspek tarbiah yang terkandung dalam novel kajian. Di samping itu, cabang pendekatan ini juga akan dihuraikan supaya memberi kefahaman yang mendalam tentang aspek tarbiah dalam novel kanak-kanak.

Rumusan turut dilakukan terhadap sayembara anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka berdasarkan pendekatan *Tarbiyatul Aulad Fil Islam* dengan melihat aspek tarbiah yang dominan terkandung dalam novel kanak-kanak pemenang. Setelah dilakukan analisis kajian mendapati enam aspek tarbiah yang berjaya diaplikasikan iaitu Tarbiah Iman, Tarbiah Akhlak, Tarbiah Jasmani, Tarbiah Mental, Tarbiah Psikologi dan Tarbiah Sosial. Di samping itu, penelitian menggunakan pendekatan *Tarbiyatul Aulad Fil Islam* ini merumuskan bahawa novel kanak-kanak daripada Hadiah Sastera Perdana Malaysia yang dinilai lebih menerapkan aspek tarbiah berbanding novel daripada empat sayembara penulisan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka sepanjang tempoh berkenaan. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa novel pemenang sayembara anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka ini sememangnya mengandungi aspek tarbiah yang boleh membentuk intelektual dan sahsiah pembaca kanak-kanak. Hal ini menuntut agar dilakukan lebih banyak kajian terhadap novel kanak-kanak dengan menggunakan pendekatan berpaksikan Islam. Kajian tentang genre kanak-kanak ini penting lantaran ia menjadi medium pendidikan dan penyampai nasihat yang selari dengan kehendak agama Islam.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**ASPECT OF TARBIAH IN CHILDREN'S NOVEL COMPETITION BY
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BASED ON
TARBIYATUL AULAD FIL ISLAM APPROACH
BY ABDULLAH NASHIH ULWAN**

By

MOHD SHUKREY BIN AHMAD

August 2021

Chairman : Prof. Madya Kamariah binti Kamarudin, PhD
Faculty : Modern Languages and Communications

The development of children's novels in Malaysia has been boosted by the organisation of writing competition as an effort to obtain quality works for readers. In this regard, Dewan Bahasa dan Pustaka as a statutory corporation whose role is to develop the field of literature has organised various series of competitions and writing awards related to children's novels since long ago. This effort is also supported by academic research at the university level aimed at placing the genre of children's novels at the best level. In line with this, review of past research has found that there is lack of studies on Islamic based children's novels that should be given attention as majority of novel readers in the country are Malay Muslims. In addition, some stated that the children's novels are still lack of personality formation and do not achieve the true quality of writing. Therefore, this matter should be tackled using an approach that is appropriate to the needs of the target readers which is an Islamic based approach. Therefore, the study will examine the children's novels that won the writing competition organised by Dewan Bahasa dan Pustaka from year 2006 to 2016. During that period, only thirteen novels were successfully published, and it involved four series of children's competition. Among them are the *Hadiah Sastera Perdana Malaysia for Category C children's novels*, *Sayembara Menulis Novel Kanak-kanak dan Remaja DBP 2006/2007*, *Sayembara Menulis Novel dan Skrip Drama Kanak-kanak dan Remaja DBP 2009/2010* and also *Sayembara Menulis Novel Angkasa DBP 2013/2014*. In line with this, this study has applied the *Tarbiyatul Aulad Fil Islam* approach by Abdullah Nashih Ulwan as an analytical framework aimed at identifying the tarbiah aspects in the research novel. In addition, this approach will also be elaborated to provide a deep understanding on the aspects of tarbiah in children's novels. Conclusion has also been made towards the competitions organised by Dewan Bahasa dan Pustaka using the *Tarbiyatul Aulad Fil Islam* approach by looking at the dominant tarbiah aspects in the children's novels. After the analysis, six aspects of tarbiah were successfully applied, namely Faith

Tarbiah, Morals Tarbiah, Physical Tarbiah, Intellectual Tarbiah, Psychology Tarbiah and Social Tarbiah. Besides, the study using the approach of *Tarbiyatul Aulad Fil Islam* also concluded that the children's novels from the *Hadiah Sastera Perdana Malaysia* were found to have applied the aspect of tarbiah more than the novels from the competitions organised by Dewan Bahasa dan Pustaka during the period. Thus, it can be stated that the winning novels from the competitions organised by Dewan Bahasa dan Pustaka contains aspects of tarbiah that can shape the intellectual and personality of the readers. This calls for more research on children's novels using an Islamic-based approach. Research on children's genre is crucial as it becomes a medium of education and a presenter of advice that is in line with the requirements of Islam.



PENGHARGAAN

Segala puji-pujian bagi Allah SWT Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan kita, Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Baginda yang dikasihi. Bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah taufik dan hidayah-Nya yang memberikan kekuatan dan keyakinan kepada pengkaji untuk menyiapkan penulisan tesis ini dengan jayanya.

Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan pengkaji ucapkan kepada Prof. Madya Dr. Kamariah Kamarudin selaku penyelia utama yang banyak memberi tunjuk ajar dan dorongan sehingga terlaksananya tesis ini. Insan yang berjasa ini sentiasa memberikan ilmu dan nasihat bermanfaat untuk suntikkan semangat kepada pengkaji supaya terus berusaha menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga, jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Dr. Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok dan Prof. Madya Dr. Mohd Zariat bin Abdul Rani sebagai ahli jawatankuasa penyeliaan yang banyak memberi tunjuk ajar dan panduan serta sokongan yang berguna kepada pengkaji sepanjang proses kajian ini dilaksanakan. Jasa yang telah diberikan akan dikenang oleh pengkaji sehingga akhir hayat. Tidak lupa juga, kepada Dr. Halis Azhan bin Mohd Hanafiah yang banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat semasa pengkaji mengikuti kelas penyelidikan. Begitu juga kepada Prof. Madya Dr. Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi yang sentiasa menyuntikkan kata-kata nasihat kepada pengkaji supaya berjaya menyelesaikan penulisan.

Penghargaan teristimewa juga kepada kedua-dua insan ini yang memberi kehidupan kepada pengkaji iaitu umi Aklima binti Bal dan abah Ahmad bin Said. Kasih sayang, doa yang dikirimkan, didikan yang bermanfaat, dorongan dan sokongan daripada setiap aspek yang tidak berbelah bagi telah menjadikan anak mu ini teguh berdiri mencapai kejayaan. Jasa kalian terlalu besar. Semoga dibalas Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Penghargaan teristimewa juga diberikan kepada adik-beradik pengkaji iaitu Siti Aishah, Mohd Hafizul Hussain, Muzzamel, Elya Syafika dan Nur Adilah yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan. Setinggi terima kasih diucapkan. Semoga kita bersatu dalam keluarga yang dirahmati-Nya. Kepada kedua-dua mentua ku juga iaitu abah Mat Ariff bin Abdul Hamid dan mak Zaleha binti Ismail atas doa dan sokongan yang diberikan dari mula hingga akhirnya. Setinggi-tinggi penghargaan pengkaji ucapkan. Akhirnya, penghargaan teristimewa kepada insan setia iaitu isteri tercinta Nur Atikah binti Mat Ariff yang sanggup berkorban dan bersusah payah selama ini. Semoga kasih ini kekal hingga ke syurga. Kepada permata hati ayah iaitu Muhammad Saif Adni dan Muhammad Syaf Adyan ucapan kasih sayang disampaikan. Semoga kejayaan ayah mu ini menjadi inspirasi dan pembakar semangat untuk anak ayah mencapai kejayaan yang lebih besar. Begitu juga kepada anak-anak saudara pengkaji Muhammad Riyadh Bariq, Muhammad Harraz Mateen dan Nur Ammara Soffya. Moga kejayaan ini memberi inspirasi untuk kalian mengejar kejayaan. Amin.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Zariat bin Abdul Rani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Pabiyah Toklubok @ Hajimaming, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 April 2022

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak mutlak Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Mohd Shukrey bin Ahmad

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof. Madya Kamariah binti Kamarudin

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof. Madya Mohd Zariat bin Abdul Rani

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Pabiyah Toklubuk @ Hajimaming

SENARAI KANDUNGAN

ABSTRAK	Halaman
<i>ABSTRACT</i>	i
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xii
	xiii

BAB

1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	9
1.3	Persoalan Kajian	13
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Kepentingan Kajian	14
1.6	Batasan Kajian	16
1.7	Latar Belakang Pendekatan <i>Tarbiyatul Aulad Fil-Islam</i>	18
1.8	Definisi Konsep	19
1.8.1	Novel	19
1.8.2	Kanak-kanak	20
1.8.3	Novel Kanak-kanak	22
1.9	Kerangka Konseptual	23
1.10	Proses Kajian	24
1.11	Kesimpulan	24
2	SOROTAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	26
2.2	Sorotan Literatur	26
2.3	Kajian Novel Kanak-kanak	26
2.4	Kajian <i>Tarbiyatul Aulad Fil Islam</i>	36
2.5	Kesimpulan	43
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	44
3.2	Kaedah Kajian	44
3.2.1	Kaedah Kepustakaan	44
3.2.2	Kaedah Kajian Teks	45
3.3	Pendekatan <i>Tarbiyatul Aulad Fil-Islam</i>	45
3.3.1	Tarbiah Iman	46
3.3.2	Tarbiah Akhlak	49
3.3.3	Tarbiah Jasmani	53
3.3.4	Tarbiah Mental	58
3.3.5	Tarbiah Psikologi	60
3.3.6	Tarbiah Sosial	62
3.4	Kesimpulan	66

4	ANALISIS KAJIAN	
4.1	Pengenalan	68
4.2	Aspek Tarbiah Iman	69
4.2.1	Mengajar Anak, Halal dan Haram Apabila Mereka Mula Memahami	70
4.2.2	Menyuruh Anak Melakukan Ibadah Seawal Usia Tujuh Tahun	73
4.2.3	Mengajar Anak Mencintai Rasulullah SAW, Mencintai Ahli Keluarganya dan Membaca al-Quran	78
4.3	Aspek Tarbiah Akhlak	81
4.3.1	Berbohong	82
4.3.2	Mencuri	87
4.3.3	Maki Hamun	89
4.4	Aspek Tarbiah Jasmani	93
4.4.1	Kewajiban Memberi Nafkah Kepada Isteri dan Anak	94
4.4.2	Mengikuti Tatacara yang Betul Ketika Makan, Minum dan Tidur	97
4.4.3	Berubat Merawat Penyakit	99
4.4.4	Mengamalkan Prinsip “Tidak Ada Kemudaratan (dalam agama) dan Tidak Dibenarkan Memudaratkan Orang Lain	104
4.4.5	Menggalakkan Anak Melakukan Aktiviti Riadah dan Sukan Berkuda	108
4.5	Aspek Tarbiah Mental	112
4.5.1	Kewajiban Memberi Pelajaran	112
4.6	Aspek Tarbiah Psikologi	117
4.6.1	Perasaan Takut	118
4.6.2	Rasa Rendah Diri	121
4.6.3	Sifat Hasad Dengki	123
4.6.4	Perasaan Marah	126
4.7	Aspek Tarbiah Sosial	129
4.7.1	Memupuk Asas Psikologi yang Unggul	129
4.7.2	Pemeliharaan Hak-hak Orang Lain	137
4.7.3	Menjaga Adab-adab Sosial	140
4.7.4	Mengamalkan Dasar Peka dan Mengkritik Untuk Kebaikan Masyarakat	145
4.8	Kesimpulan	148
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	149
5.2	Rumusan	149
5.3	Cadangan	154
	BIBLIOGRAFI	156
	LAMPIRAN	163
	BIODATA PELAJAR	176
	SENARAI PENERBITAN	177

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM)	17
2	Sayembara Menulis Novel Kanak-kanak dan Remaja DBP 2006/2007	18
3	Sayembara Menulis Novel dan Skrip Drama Kanak-kanak dan Remaja 2009/2010	18
4	Sayembara Menulis Novel Angkasa DBP 2013/2014	18
5	Analisis <i>Kerangka Tarbiyatul Aulad Fil Islam</i> Mengikut Novel	165
6	Analisis Tarbiah Iman	164
7	Analisis Tarbiah Akhlak	165
8	Analisis Tarbiah Jasmani	166
9	Analisis Tarbiah Mental	167
10	Analisis Tarbiah Psikologi	167
11	Analisis Tarbiah Sosial	168
12	Analisis Bilangan Sub-topik yang Digunakan	168
13	Analisis Bilangan Sub-topik Mengikut Novel	169

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Kerangka Konseptual	67
2	Analisis Kerangka Tarbiah Iman dalam Novel Sayembara Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka	69
3	Analisis Kerangka Tarbiah Akhlak dalam Novel Sayembara Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka	81
4	Analisis Kerangka Tarbiah Jasmani dalam Novel Sayembara Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka	93
5	Analisis Kerangka Tarbiah Mental dalam Novel Sayembara Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka	111
6	Analisis Kerangka Tarbiah Psikologi dalam Novel Sayembara Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka	117
7	Analisis Kerangka Tarbiah Sosial dalam Novel Sayembara Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka	128



© COPYRIGHT UPM

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kesusasteraan Melayu merupakan anugerah kepada masyarakat pendukungnya kerana peranan yang penting dalam membentuk sahsiah diri, kebudayaan bangsa dan agama Islam. Menurut Shahnnon Ahmad (2004: 44) sastera adalah bentuk karya yang dihasilkan kerana Allah SWT dan juga untuk manusia. Penghasilan karya sastera merupakan bentuk ibadah ke arah mengabdikan diri kepada keesaan Allah SWT serta mengajak manusia ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Ini menunjukkan bahawa asas kepada penghasilan karya sastera harus terbina dengan tujuan untuk melakukan ibadah kepada Allah SWT dan membentuk sahsiah masyarakat melalui nasihat dan ilmu yang disampaikan. Dinyatakan juga oleh Shakira Khairudin (2018: 2) iaitu karya sastera bukan sahaja berfungsi sebagai bahan bacaan yang menghiburkan bahkan menjadi alat untuk membangunkan sahsiah murid dari segi pemikiran, akhlak dan kebahasaan. Hal ini menunjukkan bahawa karya sastera sememangnya dihasilkan untuk mendidik masyarakat supaya berakhlak mulia serta terbina dengan sahsiah dan kesopanan yang tinggi seperti mana dituntut dalam Islam.

Ini juga terbukti apabila masyarakat terdahulu turut menyebarkan pendidikan agama Islam menggunakan pendekatan kesusasteraan seperti yang telah diaplikasikan dalam penulisan puisi dan hikayat. Perkara ini dinyatakan oleh Zahir Ahmad (2005 :257) iaitu kesemua sarjana berpendirian bahawa penulisan hikayat yang dihasilkan oleh pengarang Melayu berdasarkan sumber Parsi dan Arab adalah bertujuan untuk menambahkan tahap keimanan dan keyakinan umat Islam terhadap agama yang menjadi pegangan mereka. Malahan ini sejajar dengan pandangan Mohd Faizal Musa (2012: 1), menyatakan Rasulullah SAW telah memanfaatkan penyair-penyair seperti Hassan bin Thabit, Ka'ab bin Malik dan Abdullah bin Rawahah RA bertujuan untuk penyebaran agama Islam. Justeru, jelaslah bahawa kesusasteraan juga digunakan untuk menyampaikan Islam kepada masyarakat dan ini wajar diteruskan supaya bidang kesusasteraan terus diangkat sebagai bidang keilmuan. Di samping itu, masyarakat tidak perlu mempertikaikan ataupun dibezakan kepentingan kesusasteraan Melayu dengan bidang lain seperti ekonomi, perubatan, politik, sains dan sebagainya kerana setiap daripada satu bidang ini mempunyai peranan serta kepentingan tersendiri dalam memajukan komuniti bangsa tersebut. Perkara ini juga selaras dengan kenyataan Anwar Ridhwan (2016: 102), iaitu sastera selalu dianggap sebagai satu bidang penting dalam kehidupan masyarakat, termasuklah masyarakat moden di negara-negara maju. Berdasarkan pandangan ini jelas membuktikan bahawa bidang kesusasteraan ini masih relevan dan sangat diperlukan oleh masyarakat walaupun sesebuah negara itu sudah mencapai status negara maju.

Kematangan kesusasteraan Melayu dalam jalur sejarah tanah air turut memperlihatkan perkembangan pelbagai bentuk genre penulisan yang diminati

masyarakat. Antara genre penulisan tersebut ialah novel, drama, cerpen dan puisi yang telah menjadi medium untuk mendidik dan membentuk sahsiah diri masyarakat khususnya kanak-kanak. Penghasilan karya sastera ini pastinya akan menerapkan elemen penting iaitu keagamaan yang diketahui dapat membentuk pemikiran, emosi dan sahsiah pembaca. Menurut Anwar Ridhwan (2016: 126) karya sastera disampaikan dengan gaya yang indah untuk memaparkan episod kehidupan manusia dan akan menyuburkan pemikiran, sikap dan emosi pembaca. Diketahui juga bidang kesusasteraan Melayu amat luas dimensinya dan terbahagi kepada beberapa peringkat seperti kesusasteraan umum, remaja serta kanak-kanak. Secara umumnya, pembahagian bidang kesusasteraan ini akan terpisah mengikut usia pembaca sasaran seperti kesusasteraan kanak-kanak dikhususkan untuk pembaca berusia antara 9 hingga 12 tahun. Manakala kesusasteraan remaja dikhaskan kepada pembaca berumur 13 hingga 18 tahun dan kesusasteraan umum pula dikhususkan kepada pembaca dewasa. Namun diketahui juga terdapat karya sastera yang dikhaskan kepada sesuatu golongan dewasa tetapi turut diminati oleh golongan kanak-kanak.

Misalnya seperti yang dinyatakan oleh Hadijah Rahmat (2006: 3), sastera rakyat khusus ditujukan kepada khalayak dewasa tetapi juga turut diminati oleh kanak-kanak. Perkara ini menunjukkan bahawa walaupun sebuah karya sastera ini yang sudah dikhaskan kepada pembaca atau pendengar sasaran tetapi turut akan diminati oleh golongan lain. Menurut Md Sidin Ahmad Ishak (2005: 10) pula, sastera tidak akan mengetepikan kanak-kanak dan sastera akan mempertimbangkan kewajarannya ke atas kanak-kanak. Ditambah juga, semasa proses pembacaan berlaku, penulis akan berkomunikasi dengan kanak-kanak. Ini berlaku apabila mereka sendiri yang membaca karya tersebut dan perbuatan tersebut akan dikenali sebagai pembaca langsung. Manakala perbuatan membaca karya oleh orang lain kepada kanak-kanak akan dikenali sebagai pembaca tidak langsung. Walau bagaimanapun perbuatan ini menunjukkan bahawa karya sastera Melayu sentiasa terhubung dengan pembacanya bagi membolehkan segala keilmuan yang terkandung dalam penulisan karya dapat diserap dengan baik oleh masyarakat khususnya kanak-kanak.

Sejajar dengan itu, karya penulisan kanak-kanak juga boleh dikatakan sebagai gerbang utama kepada pembentukan sebuah masyarakat yang meminati karya kesusasteraan Melayu dan juga memahami ilmu keagamaan. Ini dinyatakan oleh Misran Rokimin (2006: 90), iaitu sastera kanak-kanak dan remaja membuka ruang memperoleh ilmu pengetahuan yang luas. Kesusasteraan juga dapat membantu golongan ini untuk mempelajari tentang dunia sekeliling yang banyak menyediakan informasi bagi meluaskan pemikiran mereka. Perkara ini, secara tidak langsung membantu masyarakat membangunkan kemampuan daya berfikir pembaca. Sehubungan itu, usaha menerapkan kesusasteraan dalam masyarakat perlu bermula pada usia kanak-kanak lagi kerana pada usia ini mereka mudah untuk mengingat apa yang telah dipelajari. Bak kata pepatah Melayu “melentur buluh biar dari rebungunya” dan ini jelas menunjukkan bahawa penting pendidikan bermula ketika seusia kanak-kanak. Turut dinyatakan dalam al-Quran Surah *al-Tahrin*, ayat 6, sebagaimana terjemahan berikut “Wahai orang yang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka dan bahan bakarnya adalah manusia dan batu”. Difahami bahawa Allah SWT menyarankan kepada hambanya supaya mendidik keluarga untuk tidak melakukan dosa dan terhindar daripada terjerumus ke neraka jahanam. Pendidikan

agama ini perlulah diterapkan agar ahli keluarga tidak terjebak dengan gejala negatif dan usaha ini perlulah dipupuk sejak usia kecil lagi.

Sehubungan itu, usaha menyemai minat terhadap karya kesusasteraan kepada kanak-kanak merupakan langkah yang perlu diambil masyarakat agar membentuk keperibadian anak-anak. Perbuatan ini sekali gus dapat mencetus minat mereka supaya rajin membaca khususnya terhadap karya sastera. Penumpuan khusus juga perlu diberikan oleh masyarakat terhadap penulisan karya kesusasteraan kanak-kanak supaya pembaca akan terbina keperibadiannya selaras dengan kehendak agama Islam. Menurut Rohaya Md. Ali dan Sohaimi Abdul Aziz (2013: 233), kesusasteraan kanak-kanak merupakan kesusasteraan yang penting, sama seperti kesusasteraan untuk golongan dewasa. Namun kini kesusasteraan kanak-kanak dilihat sedang meniti jalan yang penuh dengan cabaran disebabkan arus peredaran masa dan juga kesan daripada penerbitan pelbagai wadah lain seperti animasi dan permainan video. Ini juga telah dinyatakan oleh Misran Rokimin (2006: 41), untuk membaca karya kreatif inilah yang merupakan cabaran kepada audiens, terutamanya kanak-kanak dan remaja yang berada dalam era globalisasi pada abad-21 ini. Pelbagai cabaran yang boleh membantutkan proses pembacaan kanak-kanak seperti permainan komputer, internet, *game*, muzik *rock*, televisyen dan sebagainya yang semuanya kini boleh diperolehi hanya di hujung jari. Namun dengan adanya karya kesusasteraan kanak-kanak yang bermutu pastinya dapat mendidik mereka untuk mengamalkan budaya membaca yang sekali gus menjadi masyarakat berilmu dan bersahsiah tinggi.

Sejajar dengan itu, alternatif ini dilihat sebagai cara yang terbaik untuk disuakan kepada anak-anak supaya mereka tidak terus lalai dengan keseronokan arus globalisasi kini yang diketahui menawarkan pelbagai kemudahan hanya di hujung jari. Oleh itu, langkah terbaik untuk mengimbangi kesan teknologi kepada kanak-kanak ialah masyarakat perlu mewujudkan “hiburan” melalui aktiviti pembacaan. Menurut Awang Had Salleh (1984: 95 – 96), sebab kanak-kanak membaca ialah untuk memenuhi rasa ingin tahu, kedua melepaskan emosi, ketiga mencari pengetahuan, keempat jalan keluar emosi yang tidak dapat dikeluarkan dan kelima untuk mendapatkan keseronokan. Ini membuktikan bahawa tujuan kanak-kanak membaca juga adalah untuk mencari keseronokan dalam kehidupan mereka. Menurut Molina S. Nijhar (1984: 3) pula, sastera kanak-kanak merangkumi semua jenis penulisan berbentuk kreatif dan imaginatif yang khususnya untuk dibaca, dihibur dan dinilai oleh kanak-kanak. Beliau turut menambah bidang ini meliputi keseluruhan buku yang bermutu dan berfaedah serta ditulis secara fiksyen atau bukan fiksyen bagi bacaan kanak-kanak. Melalui pandangan ini, karya kanak-kanak penting untuk disampaikan kepada mereka dengan elemen hiburan bermanfaat supaya memberi keseronokan semasa membaca dan menanam minat terhadap karya sastera. Lantaran itu juga, kanak-kanak perlu dididik menggunakan karya yang sesuai dengan budaya tempatan seperti bahan bacaan sastera Melayu yang berpaksikan kepada pendidikan agama Islam supaya mereka dapat meresapi ajaran Islam melalui pembacaan. Ini kerana hanya pendidikan agama sahaja dapat membentuk anak-anak ke arah kesempurnaan dalam kehidupan seharian.

Sebelum dilanjutkan perbincangan ini, perlu dijelaskan juga berkaitan dengan sejarah perkembangan kesusasteraan kanak-kanak. Kesusasteraan kanak-kanak di Barat diketahui telah bermula lebih awal daripada perkembangannya di tanah air. Menurut Sutung Umar RS (1997: 47), di Barat, sastera kanak-kanak dan remaja didapati telah berkembang bersama-sama dengan sastera dewasa khususnya dalam tradisi lisan. Menurutnya, di England kajian kesusasteraan kanak-kanak menunjukkan buku yang direka bentuk khusus untuk kanak-kanak wujud pada abad ke-18 lagi apabila John Newberry (1713 – 1767) merupakan seorang penulis, pencetak dan penjual telah mereka cipta buku khusus untuk kanak-kanak. Di Perancis pula, penerbitan buku kanak-kanak dimulai oleh Charles Perrault (1628 – 1703), dan di Jerman pula oleh Jacob Ludwig Grims (1785 – 1863) dan Wilhelm Karl Grimms (1786 – 1858) diketahui telah menulis cerita rakyat untuk kanak-kanak, serta di Denmark Han Christian Anderson (1805 – 1875) juga menghasilkan cerita kanak-kanak yang terkenal sehingga kini. Perkembangan ini bermula apabila terdapatnya novel *adventure* iaitu *Robinson Crusoe* karya Daniel Defoe pada tahun 1719 yang diminati oleh kanak-kanak dan remaja.

Selanjutnya, menurut Hadijah Rahmat (2006: 3 – 4), perkembangan kesusasteraan kanak-kanak tanah air yang diketahui umum bermula daripada tradisi lisan. Kesusasteraan kanak-kanak tanah air bermula apabila adanya golongan penglipur lara yang menjadi pengantara kepada masyarakat dengan menyampaikan pelbagai kisah dan cerita rakyat bertujuan untuk memberi hiburan serta menyampaikan nasihat. Didapati, cerita-cerita rakyat berunsur jenaka sangat popular dan diminati oleh masyarakat pada ketika itu seperti cerita “Pak Pandir”, “Pak Kaduk”, “Lebai Malang”, “Pak Belalang” dan “Si Luncai” yang dituturkan kepada masyarakat sebagai hiburan dan nasihat pada masa terluang. Beliau berpendapat lagi, cerita-cerita bercorak satira ini turut diminati dan disenangi oleh kanak-kanak kerana mempunyai unsur lucu yang boleh memberi hiburan kepada mereka. Selain itu, cerita binatang seperti “Sang Kancil” digambarkan sebagai watak yang bijak dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapinya dengan binatang lain turut menarik perhatian kanak-kanak. Medium puisi juga menjadi pilihan masyarakat terdahulu dalam menyampaikan nasihat kepada kanak-kanak seperti lagu rakyat yang digunakan masyarakat sewaktu mendodoi anak-anak mahupun ketika kanak-kanak bermain. Ini jelas difahami umum bahawa sastera terdahulu telah diabadikan oleh pelbagai lapisan masyarakat untuk berhibur di masa lapang serta untuk mengeratkan silaturahim.

Sejajar dengan kewujudan kemajuan teknologi pencetakan dan industri penerbitan di tanah Melayu yang bermula pada tahun 1806 telah berlakunya perubahan dalam bidang kesusasteraan kanak-kanak. Peranan teknologi ini telah menyebabkan bidang kesusasteraan kanak-kanak tanah air turut berkembang apabila adanya usaha untuk membukukan hasil karya sastera. Menurut Hadijah Rahmat (2006: 4) lagi, penerbitan sastera kanak-kanak tanah air dikatakan berlaku secara empat peringkat iaitu bermula sebelum tahun 1924 di Pulau Pinang oleh pihak perseorangan dan juga golongan yang terlibat dalam bidang pendidikan. Peringkat tersebut dianggap sebagai “tahap permulaan” iaitu sebelum tahun 1924, manakala tahap yang kedua ialah “tahap percubaan” iaitu pada tahun 1924 sehingga tahun 1956, seterusnya tahap ketiga ialah “tahap pembentukan” iaitu bermula pada tahun 1957 sehingga tahun 1969 dan yang

tahap keempat ialah “tahap perluasan” iaitu bermula pada tahun 1970 sehingga tahun 1982. Melalui empat tahap ini telah mencorakkan bidang kesusasteraan tanah air kepada kedudukan yang lebih baik sebagai usaha untuk memperbanyakkan karya sastera yang dihasilkan sendiri oleh masyarakat tempatan.

Sehubungan itu, pencetakan hasil kegiatan kesusasteraan Melayu telah berkembang dengan meliputi penerbitan karya hikayat klasik, buku teks sekolah dan karya sastera kanak-kanak atau bahan bacaan telah diusahakan oleh orang perseorangan yang terlibat dalam sistem pendidikan. Pada peringkat seterusnya permintaan terhadap bahan bacaan kanak-kanak masih berkurangan disebabkan oleh faktor pendidikan dan diketahui juga terdapat ramai lagi yang masih tidak boleh membaca dan menulis. Namun, selepas kewujudan Pejabat Karang Mengarang pada tahun 1924 memperlihatkan penghasilan “The Malay School Series” yang telah menerbitkan buku teks dan “The Malay Home Library Series” yang menyediakan bahan bacaan sastera ringan untuk kanak-kanak sekolah dan orang dewasa. Perkembangan ini telah memperlihatkan penyediaan awal terhadap bahan bacaan untuk masyarakat pada ketika itu yang terbahagi kepada buku teks dan buku umum.

Manakala pada tahap pembentukan pula yang bermula pada tahun 1957 apabila berlaku perubahan landskap politik negara dengan memperlihatkan pelbagai dasar telah dibentuk oleh kerajaan. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa rasmi dan Dasar Pendidikan Kebangsaan pula telah mewajibkan bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara. Perkembangan ini telah menjadikan bahan bacaan bahasa Melayu dan kanak-kanak berada di tempat yang istimewa. Lanjutan daripada penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang meletakkan Pejabat Karang Mengarang (PKM) di dalamnya oleh pihak Kementerian Pendidikan telah memartabatkan lagi bahasa Melayu serta mengangkatnya di tempat yang wajar. Menurut Izzah Abdul Aziz (2008: 13), Dewan Bahasa dan Pustaka telah mencetak buku kanak-kanak pertama pada tahun 1956 iaitu buku terjemahan bertajuk *Anak Raja dengan Anak Papa* yang diterjemahkan oleh Za’ba dan seterusnya diikuti dengan penerbitan karya asli serta karya terjemahan lain. Menurut Izzah Abdul Aziz (2011: 8), bermulalah tugas besar Dewan Bahasa dan Pustaka dalam memartabatkan kesusasteraan kanak-kanak dalam kalangan masyarakat tanah air. Dengan inisiatif ini pelbagai peraduan dan bengkel penulisan dilaksanakan bertujuan untuk membimbing individu yang meminati kesusasteraan kanak-kanak. Perkara ini turut dinyatakan oleh Anwar Ridhwan (1997: 14), iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka telah berpengalaman memberi sumbangan terhadap kesusasteraan kanak-kanak dan remaja akan terus bergerak bagi merealisasikan penubuhan pusat pengembangan sastera kanak-kanak dan remaja. Oleh itu jelas, peranan Dewan Bahasa dan Pustaka khususnya dalam mengangkat kesusasteraan kanak-kanak ini perlu disanjung dan disokong supaya kelestarian yang bermula sejak dahulu sehingga kini boleh diteruskan demi meningkatkan keilmuan bangsa.

Sehubungan itu, telah difahami bahawa perkembangan kesusasteraan kanak-kanak tanah air bermula secara empat peringkat iaitu sebelum tahun 1924 yang dilakukan individu tertentu sehingga kepada penubuhan institusi khusus seperti Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1956. Pelbagai usaha yang dilakukan masyarakat untuk

mendukung kesusasteraan kanak-kanak tanah air supaya seiring dengan perkembangan sastera umum. Justeru, telah berlaku perkembangan positif dalam bidang kesusasteraan kanak-kanak kerana pada tahun 1967 diketahui Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri telah menerbitkan majalah *Dewan Pelajar* untuk bacaan kanak-kanak dan remaja. Dipastikan juga pada ketika itu masih belum ada pembahagian khusus antara bidang kesusasteraan kanak-kanak dan remaja. Namun pada tahun 1979, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan pula majalah *Dewan Siswa* khusus untuk bacaan golongan remaja. Melalui perkembangan ini dapat dilihat pembahagian awal antara kesusasteraan kanak-kanak dengan kesusasteraan remaja telah bermula. Pemisahan awal ini khusus untuk bahan bacaan majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Hal ini juga telah diperkatakan oleh Sutung Umar RS (1997: 48), misi pengembangan ini selain mempunyai majalah khusus untuk kanak-kanak iaitu *Dewan Pelajar* (mulai diterbitkan Januari 1967) serta majalah *Dewan Siswa* pula untuk bacaan remaja. Melalui kenyataan ini, jelas bahawa telah terdapat usaha yang lebih proaktif untuk melakukan pemisahan khusus antara bahan bacaan sastera kanak-kanak dengan sastera remaja supaya setiap satu darinya mempunyai identiti yang tersendiri dan batas-batas tertentu dalam memacu keilmuan bangsa.

Sejajar dengan perbincangan ini, kesusasteraan kanak-kanak juga diketahui terdiri daripada pelbagai genre iaitu novel, cerpen, puisi dan drama yang mengutarakan pelbagai tema seperti kemasyarakatan, pengembaraan, sejarah dan lain-lain. Pengarang karya sastera kanak-kanak juga berkebolehan untuk menghasilkan cerita fiksiyen atau pun realiti kehidupan masyarakat dengan tujuan untuk menyampaikan nasihat, pendidikan dan hiburan kepada kanak-kanak. Menurut Md Sidin Ahmad Ishak (2005: 7), bahawa sastera kanak-kanak bukan sahaja meliputi karya puisi, novel dan drama tetapi termasuk juga penerbitan dan penulisan yang memberi manfaat kepada kanak-kanak. Didapati juga, pelbagai bahan bacaan kanak-kanak terjual di pasaran seperti puisi, drama, cerpen dan novel yang pastinya mempunyai pelbagai kelebihan dan manfaat kepada pembacanya. Menurut Sutung Umar RS (1997: 47) pula, di Malaysia juga terkenal dengan penulis sastera kanak-kanak yang berkarya sama ada puisi, novel, cerpen antaranya ialah A. Samad Said, Ghazali Ngah Azia, Yulis Alwi dan Ajikik. Ini menunjukkan bahawa kesusasteraan kanak-kanak tanah air telah berkembang dengan baik untuk menampung keperluan bahan bacaan kanak-kanak dalam masyarakat.

Sehubungan itu, kajian ini akan dijuruskan kepada genre novel kanak-kanak kerana novel diketahui mampu memberi kesan yang lebih mendalam kepada jiwa pembaca berbanding genre-genre yang lain. Kenyataan ini disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Md Sidin dan Azizah (2005: 118), mendapati bahan bacaan yang popular dan sentiasa dibaca oleh kanak-kanak ialah akhbar, komik, novel, majalah dan buku aktiviti. Ini jelas menunjukkan genre novel lebih diminati kanak-kanak berbanding genre yang lain dalam bidang kesusasteraan kanak-kanak seperti cerpen, drama dan puisi. Menurut Roshani Abdullah (2007: 50) pula, kanak-kanak berumur antara 9 – 12 tahun yang sudah mempunyai kebolehan membaca akan memilih genre novel untuk menggantikan cerita-cerita lisan yang didengari mereka. Diketahui genre novel ini boleh menjadi pengikat hati kanak-kanak kerana mereka menyukai cereka alam kehidupan, alam fantasi dan imaginasi yang mengandungi unsur seni, kreativiti dan estetika yang sesuai dengan jiwa kanak-kanak. Justeru, wajar dikatakan bahawa

peri pentingnya genre novel dijadikan penelitian kerana bahan bacaan tersebut mendapat perhatian yang lebih daripada kanak-kanak.

Seterusnya, sejarah pertumbuhan novel kanak-kanak tanah air pula dijadikan rujukan dan pertimbangan dalam kajian ini. Menurut Hadijah Rahmat (2006: 22), novel kanak-kanak yang pertama diketahui umum ialah pada tahun 1953 berjudul *Chincin Rahsia* karya Muhammad Hashim Amir Hamzah dan pada tahun 1958 pula telah diterbitkan novel berjudul *Bahagia Sa-sudah Derita* karya Mohd Akhir Leman. Seterusnya, pada tahun 1959 novel kanak-kanak ketiga berjudul *Ahad* karya Zakaria Salleh pula telah diterbitkan dan penerbitan novel ini merupakan pemenang dalam “Peraduan Mengarang Cerita Panjang” anjuran Pejabat Karang Mengarang pada tahun 1956. Beliau menambah lagi, ternyata tradisi penulisan novel kanak-kanak tanah air ini telah dimulai oleh karya-karya yang memenangi sayembara.

Manakala, pada awal tahun 1960-an pula diketahui beberapa buah novel kanak-kanak telah dihasilkan iaitu novel *Buat Baik Sangat Mulia*, novel *Melor dengan Ular*, novel *Lepaskan Aku*, novel *Manja*, dan novel *Hidup Berjuang*. Walaupun pada ketika itu sudah terdapat novel Melayu yang dihasilkan namun disebabkan kekurangan bahan bacaan untuk masyarakat telah menyebabkan novel terjemahan menjadi pilihan. Antara novel terjemahan terpilih ialah karya Mark Twain yang diterjemahkan oleh Za’ba pada tahun 1937 dan telah diterbitkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1958 dengan judulnya *Anak Raja dengan Anak Papa*. Manakala terdapat karya Shamus Frazer iaitu *The Crocodile Dies Twice* telah diterjemahkan oleh Asraf berjudul *Buaya Mati Dua Kali* yang diterbitkan oleh Oxford University Press pada tahun 1958.

Perkembangan novel kanak-kanak dalam kesusasteraan tanah air dilihat mempunyai jalur sejarah yang agak panjang. Telah terbukti juga bahawa novel kanak-kanak mempunyai peranan yang penting dalam sistem pendidikan dan amat diperlukan sebagai bahan bacaan pilihan kanak-kanak. Hal ini turut didukung oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang berperanan dalam memartabatkan bahan bacaan sastera kanak-kanak dengan melakukan banyak aktiviti untuk menyemarakkan lagi penerbitan novel kanak-kanak tanah air. Menurut Roshani Abdullah pula (2007: 3), pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengambil inisiatif menganjurkan peraduan menulis novel kanak-kanak untuk mencari karya sastera kanak-kanak yang bermutu semenjak tahun 1978 lagi. Hal ini menunjukkan terdapat usaha yang telah dilakukan dalam menjaga dan meningkatkan lagi mutu penghasilan karya sastera kanak-kanak khususnya novel kanak-kanak.

Sudah sedia maklum penganjuran sayembara Dewan Bahasa dan Pustaka ini adalah untuk menggalakkan penulis baharu dan lama daripada pelbagai kaum untuk bergiat dalam penulisan kreatif berbahasa Melayu. Hal ini dilakukan adalah kerana untuk mendapatkan karya yang bermutu dan diterbitkan serta disebar luaskan kepada masyarakat. Perkara ini seperti yang telah dinyatakan dalam buku acara penyampaian hadiah Sayembara Menulis Novel Kanak-kanak dan Remaja pada 18 Disember 2007 iaitu penganjuran setiap sayembara Dewan Bahasa dan Pustaka ini adalah untuk

memberi galakan kepada penulis supaya bakat-bakat baharu selaras dengan matlamat Dewan Bahasa dan Pustaka. Dinyatakan juga penganjuran sayembara Menulis Novel Kanak-kanak dan Remaja yang bermula pada November 2006 ini merupakan kesinambungan daripada sayembara terdahulu iaitu Peraduan Menulis Novel Kanak-kanak DBP 1978, Peraduan Menulis Novel Fiksyen Sains (Kanak-kanak) 1980, Peraduan Menulis Novel Sejarah (Kanak-kanak) 1981 dan Peraduan Menulis Novel Kanak-kanak 1987. Sejajar dengan itu, diketahui Dewan Bahasa dan Pustaka juga merupakan penganjur kepada Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) yang dilaksanakan pada setiap dua tahun sekali. Perkara ini memperlihatkan kategori C iaitu karya sastera kreatif berbentuk buku bagi genre novel, cerpen, drama dan puisi dipertandingkan dan dinilai oleh panel yang dilantik khusus. Diketahui karya kanak-kanak ini merupakan hasil daripada pengarang tempatan untuk sasaran pembaca peringkat kanak-kanak yang berumur 9 hingga 12 tahun.

Sehubungan itu, disedari juga bahawa kerancakan penerbitan novel kanak-kanak ini turut menarik minat para sarjana dan penggemar sastera kanak-kanak itu sendiri untuk melakukan penelitian. Perkara ini adalah disebabkan masyarakat mahukan sebuah karya yang benar-benar bermutu dan berperanan dalam pembentukan akhlak dan sahsiah diri kanak-kanak. Justeru, melalui perkara ini perlunya suatu gagasan yang utuh supaya dapat digunakan sebagai sandaran oleh pengkarya dan juga penilai dalam penghasilan sebuah novel kanak-kanak.

Ditegaskan dalam perkara ini bahawa dengan penerapan dasar Islam sahaja dapat dilakukan penilaian yang adil dan saksama terhadap karya yang menggunakan watak, penulis dan pembaca beragama Islam. Oleh itu, perlu dilakukan penilaian karya sastera bersandarkan Islam supaya setiap karya yang dihasilkan menepati peranan sebenar sebuah karya sastera iaitu untuk mendidik dan menyampaikan nasihat kepada pembaca. Sejajar dengan itu, diketahui watak dalam sebuah karya akan menjadi paksi dalam mengerakkan sesebuah penceritaan dan penerapan watak dalam karya pula akan dicontohi pembaca dalam kehidupannya. Justeru, tidak keterlaluan untuk memperkatakan bahawa ciri-ciri dan perlakuan seorang watak selaras dengan kehendak Islam akan menentukan sebuah karya itu bermutu atau sebaliknya. Perkara ini juga dapat disokong dengan kenyataan Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Zulkarnain Mohamed (2020: 1) iaitu watak dan perwatakan merupakan antara elemen terpenting dalam pengkaryaan. Elemen watak ini menjadi penggerak kepada hala tuju, menghadirkan aksi, membangunkan peristiwa, mencorakkan reaksi khalayak, mentafsir idea, gagasan, kebenaran, keyakinan dan nilai yang luhur dalam pengkaryaan. Penerapan kerangka berpaksikan agama Islam pasti akan menjadi tuntutan dalam pengolahan karya berperwatakan Melayu beragama Islam, penulis Melayu beragama Islam dan khalayak pembaca majoriti Melayu beragama Islam. Oleh itu, dilihat bahawa dasar Islam yang dirangka dalam novel dapat membawa kepada pembentukan kesempurnaan karya sekali gus memperelok perilaku pembaca karya.

1.2 Penyataan Masalah

Penelitian ini hanya tertumpu kepada novel kanak-kanak yang memenangi sayembara anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka bermula tahun 2006 sehingga 2016. Pemilihan ini kerana Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan satu badan berkanun yang telah diberi kuasa autonomi oleh kerajaan Malaysia untuk menyusun program dan pengembangan kesusasteraan dalam bahasa Melayu dan juga mengangkat bidang kesusasteraan kanak-kanak khususnya. Menurut Md Sidin Ahmad Ishak (2005: 47) Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka diperakui pada tahun 1959 yang menjadi badan berkanun yang mempunyai kuasa menggubal dasar, merangka dan menjalankan program-programnya sendiri. Dewan Bahasa dan Pustaka juga telah menjalankan kegiatan penerbitan dan penjualan buku secara profesional dan kompetitif sehingga kini. Sehubungan itu, dilihat Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan pelbagai sayembara penulisan bertujuan untuk mendapatkan karya sastera yang bermutu untuk diterbitkan. Rentetan penganjuran sayembara yang berjaya dilakukan ini dilihat banyak novel kanak-kanak telah diterbitkan dan ini bukan sahaja menggalakkan bidang penerbitan novel tetapi juga diketahui terhasilnya banyak kajian ilmiah di pelbagai peringkat bagi menilai mutu novel kanak-kanak terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Namun setelah diteliti terdapat dua kajian terkini peringkat kedoktoran yang memberi fokus kepada novel kanak-kanak terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu kajian yang dilakukan oleh Rohayati binti Junaidi (2019) berjudul *Pengaruh Ekologi Terhadap Perwatakan Kanak-kanak dalam Novel-novel Hadiah Sastera Perdana Malaysia*, dan kajian kedua yang dilakukan oleh Roshani Abdullah (2007) berjudul *Kajian Unsur-unsur Pembentukan Sahsiah dalam Novel Kanak-kanak*. Kedua-dua kajian ini diutamakan kerana membincangkan berkaitan novel kanak-kanak sayembara Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga Hadiah Sastera Perdana Malaysia. Sehubungan itu, daripada kedua-dua kajian ini, menunjukkan terdapat permasalahan berkaitan novel kanak-kanak terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, sebagaimana yang dikesani melalui kenyataan yang dilakukan oleh Roshani Abdullah pada tahun 2007 iaitu:

“Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat novel kanak-kanak yang kurang menekankan aspek tertentu dari segi pembentukan sahsiah. Adalah difikirkan wajar dijalankan kajian yang berkaitan untuk menghasilkan karya yang lebih prolifik dan sesuai untuk kanak-kanak bagi menjamin pembinaan generasi pada masa akan datang”

(Roshani Abdullah, 2007: 244)

Manakala penekanan tentang permasalahan pembentukan sahsiah dalam novel kanak-kanak juga masih lagi ditimbulkan melalui kajian Rohayati binti Junaidi pada tahun 2019 iaitu:

“Dapatan kajian memperlihatkan bahawa tidak semua novel kanak-kanak yang terpilih memperlihatkan ketiga-tiga unsur persekitaran ekosistem dalam mempengaruhi kehidupan kanak-kanak”

(Rohayati binti Junaidi, 2019: 282)

Melalui petikan ini difahami bahawa novel kanak-kanak yang dinilai dalam kajian tersebut mempunyai kekurangan dalam aspek pembentukan sahsiah pembaca dan kurang menepati kerangka penilaian. Justeru, kajian yang dilakukan oleh Roshani Abdullah (2007) dan Rohayati Junaidi (2019) ini juga telah membuktikan bahawa novel terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang diketahui sudah melalui pelbagai saringan dan penelitian oleh para penilai tetapi masih lagi memerlukan pendekatan khusus yang dapat membentuk keperibadian pembaca khususnya kanak-kanak beragama Islam. Ditambah pula kajian terbaharu yang dilakukan ini pula tidak menjurus kepada aspek tarbiah dan hanya memfokuskan kepada aspek persekitaran kanak-kanak sahaja. Justeru, suatu pendekatan berteraskan Islam yang sepatutnya diajarkan kepada kanak-kanak seawal usia dan selari dengan budaya masyarakat Melayu dan beragama Islam.

Difahami juga kedua-dua buah kajian peringkat kedoktoran ini telah menganalisis novel kanak-kanak menggunakan teori Barat iaitu teori Ekosistem Bronfenbrenner oleh Ernst Haeckel dan juga teori Pembelajaran Sosial oleh Albart Bandura. Hal ini dilihat berdasarkan kajian Rohayati binti Junaidi (2019) yang menerapkan aspek tiga ekologi iaitu persekitaran khusus, persekitaran ekosistem dan persekitaran umum. Manakala Roshani Abdullah (2007) pula menekankan tiga aspek iaitu memperoleh tingkah laku, menggalakkan pengekaln tingkah laku dan ke tiga mengukuh atau melemahkan penghalang. Walaupun kajian ini dilihat bersesuaian dengan konsepnya tetapi tidak menjurus kepada aspek tarbiah berpaksikan agama Islam yang sepatutnya kanak-kanak di negara ini dididik dengan amalan yang selari dengan kepercayaan dan pegangan diri. Ini kerana pembaca, penulis dan juga watak yang digunakan dalam karya novel kanak-kanak kesemuanya berpaksikan kepada aktiviti dan budaya bangsa Melayu dan beragama Islam.

Sehubungan itu, terdapat juga beberapa kenyataan yang diutarakan oleh tokoh ilmuwan tanah air berkaitan mutu penulisan karya sastera kanak-kanak bermula dari tahun awal penubuhannya sehinggalah era kini. Pertamanya, menurut Othman Puteh (1984: vi-vii), yang menyatakan sebahagian besar penulis karya sastera kanak-kanak dan remaja masih lagi tercari-cari dan teraba-raba definisi dan konsep sastera kanak-kanak dan remaja. Umpamanya novel dan cerpen bagaimana yang baik, bermutu, sesuai untuk dimanfaatkan kepada pembaca kanak-kanak dan remaja. Begitu juga dengan penerbit, terdapat editor yang mengeluh dan terpaksa mengejar penulis untuk mendapatkan manuskrip yang baik dan mempunyai nilai-nilai keindahan dan bermutu tinggi. Selain itu, Anwar Ridhwan (2000: 9), melihat bahawa jumlah buku untuk kanak-kanak dan remaja, begitu juga rancangan televisyen dan perisian komputer serta IT untuk kanak-kanak terutamanya dalam bahasa kebangsaan masih jauh daripada memuaskan. Menurut Md Sidin Ahmad Ishak (2005: 146) pula, mutu buku kanak-kanak di Malaysia masih belum memuaskan dari segi isi kandungan, segi nahu apatah lagi dari segi gaya persembahan bahasa. Buku-buku tersebut bukan sahaja mengandungi kesalahan tetapi mempersembahkan bahan yang menjemukan.

Seterusnya, kenyataan daripada Baha Zain (2006: 21), pada masa ini sangat sedikit bahan bacaan bermutu kanak-kanak dalam bahasa Melayu sedangkan bahan ini diperlukan bagi menyemai kebiasaan dan kecintaan terhadap bahasa kebangsaan selain menyemai nilai adab sopan, kasih sayang, tingkah laku yang baik terhadap ibu bapa, guru serta kawan-kawan, dan cinta terhadap alam dan ketuhanan. Seterusnya, Hadijah Rahmat (2006: 121), turut berpendapat bahawa kesusasteraan kanak-kanak masih belum berjaya bertindak sebagai alat pendorong kejayaan secara berkesan. Lingkungan pencapaian intelektual masih terlepas daripada jangkauan dan perbincangan kesusasteraan kanak-kanak. Seterusnya, Shahaneen Hanoum (2008: 2) menyatakan, setelah meneliti ulasan panel hakim jelas menunjukkan prestasi buku kanak-kanak dan remaja adalah jauh daripada membanggakan. Masalah ini wujud dari segi kandungan dan persembahan penulisan, di samping persembahan fizikal dan pencetakan.

Seterusnya, Alimah Salam (2010: 39) menyatakan, tidak dinafikan terdapat peningkatan dalam penerbitan buku kanak-kanak. Walau bagaimanapun, kualiti dan mutu penulisan masih lagi seperti dulu. Ditambah lagi oleh Sofea Arissa (2018: 6), zaman teknologi kini menyaksikan minat membaca karya sastera kanak-kanak berkurang dalam kalangan murid sekolah. Karya sastera dikatakan membosankan dan tidak menepati cita rasa golongan kanak-kanak serta terlalu panjang dan susah untuk difahami. Justeru, perlunya karya yang bersifat kontemporari tetapi perlu bersesuaian dengan ajaran Islam bertujuan menarik minat untuk membaca. Sebagaimana telah difahami melalui kenyataan di atas, memperlihatkan kecenderungan tokoh ilmuwan tempatan mempersoalkan kandungan karya sastera kanak-kanak di Malaysia yang dilihat masih lagi tidak menepati keperluannya. Perkara ini berlanjutan bermula daripada tahun 1984, diikuti tahun 2000, 2005, 2006, 2007, 2008, 2010, 2018, dan 2019 yang masih lagi mengutarakan permasalahan dalam karya kanak-kanak.

Perkara ini perlu dibahaskan secara signifikan supaya bersesuaian dengan pemikiran, budaya dan agama pembaca khususnya kanak-kanak Melayu di negara ini. Ditegaskan, kaedah atau kerangka penilaian digunakan juga perlulah selaras dengan penulis, pembaca dan juga pengkaryaan tersebut supaya mewujudkan keadilan apabila penilaian dilakukan. Menurut Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Zulkarnain Mohamed (2020: 1) pentingnya dalam pengkaryaan ditangani elemen naratif daripada perspektif Islam kerana terlalu meluasnya karya sastera tempatan dinilai menggunakan teori Barat sedangkan karya sastera Melayu rata-ratanya menggambarkan watak Melayu beragama Islam, dihasilkan penulis Melayu beragama Islam dan khalayak pembaca Melayu beragama Islam. Manakala Abdullah Nashih Ulwan (1996: xxiv) pula berpendapat, kepuasan dalam intelektual ialah perlu berkiblatkan Islam. Kepuasan ini membentuk perundangan dan dasar-dasar yang boleh menyelamatkan manusia daripada kerosakan individual. Justeru, adalah wajar penilaian karya tempatan ini menggunakan kerangka berteraskan agama Islam disebabkan perlunya mendidik kanak-kanak dengan elemen keagamaan bermula usia kecil.

Menurut Abdullah Nashih Ulwan (1996: 289) lagi, terdapat pendekatan yang digunakan dalam agama Islam adalah untuk mengajar anak-anak iaitu dengan memulakan proses pendidikan pada usia kecil. Ini kerana pada masa kecil fikiran anak sangat cergas dan daya ingatannya sangat kuat serta semangat untuk belajar sangat besar. Ini juga dinyatakan oleh Lusi Kurnia Wijayanti (2018: vi), masa terbaik untuk kanak-kanak belajar ialah ketika berusia kecil kerana pada ketika ini mereka sering disebut masa *golden age* atau masa keemasan untuk mendapatkan pendidikan. Terdapat penelitian yang menyatakan 80% otak akan berkembang pada usia kanak-kanak daripada keseluruhan proses pembesaran. Justeru, penting untuk disampaikan pendidikan pada usia kanak-kanak supaya mereka dapat mencapai potensi yang maksimum. Menurut pandangan ini maka jelas difahami bahawa mengajar anak-anak perlu bermula daripada usia kecil kerana pada ketika ini mereka mempunyai kebolehan mengingat dan menerima ilmu dengan baik. Hal ini juga seharusnya diaplikasikan dalam pengkaryaan novel kanak-kanak kerana bahan bacaan ini sangat berkait rapat dengan kehidupan mereka.

Justeru, Abdullah Nashih Ulwan sendiri telah menganjurkan sebuah pendekatan yang berteraskan agama Islam dalam mendidik kanak-kanak semasa proses pembesaran mereka dalam kitab *Tarbiyatul Aulad Fil Islam*. Menurut beliau (1996: xiv), kaedah yang dianjurkan ini sempurna dan benar tentang pendidikan anak-anak dalam Islam yang boleh membahagiakan manusia dalam *Din*, dunia dan akhirat. Islam mempunyai sistem yang dapat digunakan untuk kemantapan, kesentosaan dan kebahagiaan yang boleh menggantikan kekacauan, kecemasan dan kesengsaraan. Perkara ini seharusnya diteliti dan diaplikasikan dalam kajian novel kanak-kanak supaya dapat merumuskan bahawa karya sastera kanak-kanak tempatan khususnya novel ini menepati peranan sebenar penulisannya iaitu menyampaikan nasihat dan pendidikan kepada pembacanya. Lantaran itu, kepastian tentang tahap mutu sesebuah karya ini dapat diperakui kewajaran dan kesahihan kualitinya kerana sudah diteliti dan dianalisis menggunakan sebuah pendekatan yang berpaksikan Islam sebagai agama yang diterima Allah SWT.

Sehubungan itu juga, menurut Syaikh Wahbi Sulaiman Al-Ghawaji Al-Albani (1996: xviii) yang berpendapat bahawa belum pernah seorang penulis yang menulis dengan begitu tajam dan berani tentang topik pendidikan anak-anak sebagaimana yang dilakukan oleh Al-Ustaz Syaikh Abdullah Ulwan. Hal ini diperkuatkan lagi dengan sejumlah kajian mutakhir yang menggunakan pendekatan yang diutarakan oleh Abdullah Nashih Ulwan terhadap pendidikan kanak-kanak. Antaranya ialah kajian yang telah dilakukan oleh Dewi Vionitta Wibowo dan Ririn Dwi Wireti (2020) yang menyatakan pendekatan Abdullah Nashih Ulwan ini selari dengan kurikulum pendidikan prasekolah, manakala Zaini Anwar (2019) pula menyatakan kaedah kitab *Tarbiyatul al-Aulad Fi al-Islam* memberi penyelesaian masalah sosial yang dihadapi kanak-kanak. Seterusnya, Jamilidin Usman (2018) menyatakan pendidikan Islam mengutamakan pembentukan akidah dan akhlak sebagai benteng keperibadian, seterusnya Harpanshah (2017) pula berpandangan kaedah pendidikan Islami yang dianjurkan Abdullah Nashih Ulwan boleh menangani masalah yang dihadapi kanak-kanak zaman moden. Manakala Kamariah Kamarudin (2014) menyatakan unsur tarbiah diutarakan Abdullah Nashih Ulwan menggarap secara jelas hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan Allah SWT. Menurut Abdul

Munir Ismaik dan Mohd Noor Daud (2014) menyatakan kaedah yang diajar Abdullah Nashih Ulwan menegaskan peranan ibu bapa, guru dan masyarakat dalam mendidik kanak-kanak untuk menghindari penyelewengan dalam kehidupan. Perkara ini jelas bahawa pendekatan yang diutarakan oleh Abdullah Nashih Ulwan dalam kitabnya iaitu *Tarbiyatul Aulad Fil Islam* juga merupakan kaedah yang terbaik dalam menilai novel kanak-kanak tempatan kerana turut berperanan dalam pembentukan sahsiah dan keperibadian kanak-kanak. Hal ini secara tidak langsung dapat membuktikan bahawa karya sastera kanak-kanak tempatan sudah menepati peranan sebenar iaitu menyampaikan pendidikan, nasihat dan ilmu kepada pembaca.

1.3 Persoalan Kajian

Sehubungan itu, persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Apakah novel kanak-kanak pilihan menepati pendekatan keagamaan menurut Abdullah Nashih Ulwan?
- 2) Bagaimanakah novel kanak-kanak pilihan dapat dirumuskan mengikut pendekatan keagamaan menurut Abdullah Nashih Ulwan?
- 3) Sejauh manakah pendekatan keagamaan menurut Abdullah Nashih Ulwan ini diguna pakai dalam novel kanak-kanak pilihan.

1.4 Objektif Kajian

Sehubungan itu, objektif kajian ini pula adalah seperti berikut:

- 1) Mengenal pasti aspek tarbiah yang digunakan dalam novel kanak-kanak Melayu Hadiah Sastera Perdana Malaysia serta sayembara Dewan Bahasa dan Pustaka berdasarkan pendekatan *Tarbiyatul Aulad Fil Islam* oleh Abdullah Nashih Ulwan.
- 2) Menghuraikan cabang aspek tarbiah yang digunakan dalam novel kanak-kanak Melayu Hadiah Sastera Perdana Malaysia serta sayembara Dewan Bahasa dan Pustaka berdasarkan pendekatan *Tarbiyatul Aulad Fil Islam* oleh Abdullah Nashih Ulwan.
- 3) Merumuskan aspek tarbiah yang dominan dalam novel kanak-kanak Melayu Hadiah Sastera Perdana Malaysia serta sayembara Dewan Bahasa dan Pustaka berdasarkan pendekatan *Tarbiyatul Aulad Fil Islam* oleh Abdullah Nashih Ulwan.

1.5 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilakukan adalah untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan yang timbul bagi mengelakkan kecelaruan daripada berterusan ataupun untuk mendapatkan pembaharuan dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, hasil daripada kajian tersebut sudah pastinya akan merubah sesuatu keadaan sedia ada menjadi lebih baik kepada masyarakat. Kebaikan yang diperolehi ini akan diguna pakai secara bersama supaya dapat membentuk sebuah masyarakat yang beradab, harmoni dan berilmu daripada segenap aspek. Justeru, kajian ini juga akan memberi kebaikan dan manfaat kepada beberapa individu yang mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dalam bidang kesusasteraan kanak-kanak.

Individu pertama yang mempunyai kepentingan kepada kajian ini ialah pengkaji sendiri. Didapati bahawa kajian yang bakal dilaksanakan ini akan menerapkan pelbagai elemen keagamaan dan pastinya akan memberi pencerahan kepada pengkaji sendiri berkaitan aspek keagamaan dalam novel kanak-kanak. Pendekatan daripada kerangka pendidikan Islam ini pastinya akan membuka suatu dimensi baharu dalam kehidupan pengkaji supaya mendalami perkara yang sepatutnya dimiliki oleh setiap insan di muka bumi ini. Setiap elemen yang diterapkan dalam kajian seperti iman, akhlak, fizikal, intelektual, psikologi dan sosial pasti menjadi ilmu baharu kepada pengkaji. Lantaran itu juga, hasil dapatan kajian ini akan diguna pakai oleh pengkaji bagi memantapkan keimanan dan meningkatkan kefahaman berkaitan pendidikan menurut Islam dalam diri supaya dapat berhadapan dengan masyarakat umum sebagai seorang Muslim yang baik.

Selanjutnya, kajian ini juga berkepentingan kepada golongan penulis, tidak kiranya penulis yang menghasilkan karya kesusasteraan mahupun penulis berbentuk akademik. Ini kerana setiap bentuk penulisan itu sentiasa berhubungan dengan pembaca dan pastinya memerlukan pendekatan yang bersesuaian dan berhemah untuk berkomunikasi dengan pembaca. Namun dalam konteks kajian ini akan menumpukan kepada penulis karya kesusasteraan kanak-kanak khususnya kepada pengarang novel kanak-kanak. Oleh itu, dengan terlaksananya kajian ini golongan penulis novel dapat memperbaiki gaya penulisan mereka dengan menerapkan lebih banyak elemen pendidikan Islam untuk pembaca kanak-kanak. Hal ini selanjutnya akan menjadikan karya tersebut lebih bermutu dengan pendekatan agama yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat. Penulis juga akan mempunyai garis panduan khas apabila terlaksananya kajian ini, dengan penerapan kerangka pendidikan Islam dalam sesebuah karya novel kanak-kanak pastinya akan menjadikan karya sastera kanak-kanak tempatan lebih beridentiti. Hal ini menjadikan hasil tulisan tersebut tidak akan terpesong daripada landasan sebenar iaitu untuk mendidik masyarakat ke arah kebenaran dan mengagungkan kebesaran-Nya.

Selanjutnya, pihak yang akan mengambil manfaat melalui kajian ini ialah penganjur sayembara penulisan khususnya sayembara penulisan novel kanak-kanak. Dengan terlaksananya kajian ini, penganjur akan menjadi lebih peka terhadap kepentingan konsep Islam dalam penilaian sesebuah karya sastera kanak-kanak dan memahami

secara jelas berkaitan kriteria yang sepatutnya ada dalam penilaian penulisan. Oleh itu, penganjur juga akan lebih teliti untuk memilih ahli panel yang mempunyai kepakaran berkaitan pendidikan kanak-kanak berteraskan Islam bagi menghakimi karya yang dihasilkan penulis. Hal ini akan menjadikan karya yang memenangi sesuatu sayembara itu akan lebih diyakini kredibilitinya dalam menyampaikan keilmuan dan nasihat kepada pembaca khususnya kanak-kanak. Oleh itu, penilaian juri juga akan menjadi lebih tepat dan adil kerana penilaian tersebut tidak hanya menggunakan kebolehan individu sahaja namun telah mempunyai kerangka atau garis penilaian yang seragam. Ini menjadikan karya tersebut lebih diakui mutunya kerana memenangi sayembara yang mempunyai penilaian berteraskan agama.

Selanjutnya, sidang editor penerbitan karya sastera kanak-kanak juga boleh mengambil manfaat daripada hasil kajian ini. Sudah sedia maklum karya sastera kanak-kanak mempunyai pelbagai genre penulisan dan ini terpaksa ditangani oleh pihak editor saban hari. Karya sastera yang sampai ke tangan editor ini perlu dinilai, dikritik dan dianalisis supaya hasil yang diterima oleh pembaca mempunyai manfaat dan kebaikan dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini memerlukan editor yang berkebolehan dalam menilai, mengkritik dan menganalisis sesuatu karya dengan menggunakan pendekatan Islam yang baik sebelum karya tersebut diterbitkan. Justeru, pendekatan Islam dalam kajian ini boleh diambil manfaat untuk dijadikan asas dalam bidang pengeditan karya supaya penilaian tersebut akan menghasilkan karya bermutu untuk bacaan kanak-kanak.

Selanjutnya, kajian ini juga berkepentingan kepada golongan ibu bapa dalam mendidik anak-anak pada masa kini. Dengan terlaksananya kajian ini nanti golongan ibu bapa boleh mempelajari dan mendalami ilmu berkaitan pendidikan Islam dalam karya sastera kanak-kanak khususnya novel. Pemilihan bahan bacaan untuk kanak-kanak kini perlu dilakukan saringan yang lebih ketat supaya mereka terhindar daripada sebarang pengaruh yang boleh merosakkan pemikiran mereka. Oleh itu, bahan bacaan yang bermutu amat dituntut untuk disediakan supaya boleh diambil manfaat semasa proses pembesaran anak-anak. Kajian ini juga mampu membuka ruang fikir ibu bapa supaya lebih memilih dan meyakini karya sastera Melayu Islam berbanding karya yang mempunyai pengaruh budaya asing.

Individu yang terakhir dilihat boleh mengambil kepentingan daripada kajian ini ialah pengkaji akan datang. Bidang kesusasteraan kanak-kanak merupakan suatu bidang yang perlu diberi perhatian kerana ini merupakan langkah pertama dalam membentuk masyarakat untuk menghargai kesusasteraan tempatan. Selain terhasilnya banyak karya baharu untuk kanak-kanak, adalah perlu untuk kajian ilmiah bergerak seiring dengan perkembangan kesusasteraan. Hal ini menjadikan bidang kesusasteraan kanak-kanak akan sentiasa seimbang dan berkembang dengan ilmu-ilmu baharu hasil daripada penyelidikan. Melalui kajian ini juga pasti akan mencetuskan idea kepada peneliti baharu yang meminati dan prihatin terhadap karya sastera kanak-kanak supaya terus melakukan kajian dalam pelbagai peringkat akademik. Oleh itu, masyarakat akan terbentuk untuk sentiasa bertanggungjawab dalam membangunkan kesusasteraan kanak-kanak tempatan sebagai wadah keilmuan dan pendidikan bangsa.

1.6 Batasan Kajian

Sebuah kajian pastinya mempunyai batasan tertentu bagi membolehkan kajian tersebut dilakukan secara berfokus dan tepat. Hal ini demikian kerana garis sempadan dalam kajian berfungsi sebagai pemisah yang boleh membezakan antara kajian yang bakal dilakukan dengan kajian lain. Terdapat beberapa cara yang boleh digunakan dalam mewujudkan batasan kajian ini seperti menentukan tahun kajian, pengarang, genre mahupun penerbit. Namun perkara ini boleh dilakukan mengikut kesesuaian dan tidak terikat dengan mana-mana kaedah asalkan dilihat berfokus dan bersesuaian dengan konteks kajian tersebut.

Sehubungan itu, kajian ini telah dibataskan kepada novel kanak-kanak yang memenangi sayembara anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu selama sepuluh tahun yang mutakhir. Pemilihan novel ini adalah disebabkan Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan badan berkanun yang diiktiraf pihak kerajaan Malaysia untuk mengangkat bidang kesusasteraan Melayu di negara ini. Perkara ini telah dinyatakan dalam objektif kedua penubuhan iaitu “pengembangan bakat sastera dalam bahasa kebangsaan” adalah untuk menggalakkan kegiatan penulisan kesusasteraan khususnya untuk karya, penulis dan pembaca yang berbahasa Melayu. Hal ini pastinya juga boleh dirujuk kepada kesusasteraan kanak-kanak yang menjadi sebahagian dalam bidang kesusasteraan Melayu terbitan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Justeru, novel kanak-kanak yang diterbitkan ini sememangnya dijadikan rujukan masyarakat dalam menyampaikan ilmu perlu diteliti supaya selari dengan keperluan pendidikan pembacanya.

Oleh itu, telah dikenal pasti selama 10 tahun iaitu daripada 2006 sehingga tahun 2016 ini didapati terdapat empat siri sayembara penulisan novel kanak-kanak yang telah dikelola oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Antara sayembara tersebut ialah Sayembara Menulis Novel Kanak-kanak dan Remaja DBP 2006/2007, kedua Sayembara Menulis Novel dan Skrip Drama Kanak-kanak dan Remaja DBP 2009/2010, ketiga Sayembara Menulis Novel Sains Angkasa DBP 2013/2014 dan keempat ialah Sastera Perdana Malaysia (HSPM). Oleh yang demikian, dipastikan bahawa terdapat tiga siri sayembara yang merupakan kesinambungan daripada sayembara penulisan novel terdahulu anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka seperti Peraduan Menulis Novel Kanak-kanak DBP 1978, Peraduan Menulis Fiksyen Sains (Kanak-kanak) 1980, Peraduan Menulis Novel Sejarah (Kanak-kanak) 1981 dan Peraduan Menulis Novel kanak-kanak 1987. Perkara ini telah tercatat pada buku cenderamata Majlis Penyampaian Hadiah Sayembara Menulis Novel Kanak-Kanak dan Remaja DBP 18 Disember 2007.

Sejajar dengan itu, kajian telah mengambil kira novel kanak-kanak yang memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) bermula tahun 2006/2007 sehingga tahun 2016/2017 kerana anugerah ini turut dikelola oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Sementelahan itu, batasan pemilihan kategori novel kanak-kanak Hadiah Sastera Perdana Malaysia ini juga turut diselaraskan iaitu pada tahun 2006 sehingga tahun 2016 seperti sayembara yang dipilih. Seterusnya, telah dikenal pasti dalam tempoh

berkenaan, sebanyak dua puluh buah novel kanak-kanak yang diangkat sebagai pemenang semasa empat sayembara tersebut dilaksanakan iaitu enam daripada HSPM dan empat belas daripada sayembara DBP. Namun, telah dipastikan sebanyak sembilan daripada empat belas buah novel sahaja yang telah diterbitkan dan perkara ini telah disahkan oleh penulis novel tersebut serta telah juga mendapat pengesahan daripada Bahagian Hak Cipta Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dapat dipastikan lima buah novel yang tidak diterbitkan iaitu novel *Lubuk Kuzen*, novel *Kembara Di Laut Artikaz*, novel *Rahsia Bukit Ugad*, novel *Sahabat Dari Marikh*, dan novel *Satelit Angkasa 1000*. Didapati juga, novel *Iqbal Membina Jaya* karya Radzemah Bolhassan ini pernah memenangi hadiah sagu hati dalam Sayembara Menulis Novel dan Skrip Drama Kanak-kanak dan Remaja DBP 2009/2010 ini kembali diangkat sebagai pemenang novel kanak-kanak HSPM 2016/2107. Ini kerana novel tersebut telah diterbitkan pada tahun 2015 iaitu lima tahun selepas tahun kemenangannya dalam sayembara Dewan Bahasa dan Pustaka. Dipastikan juga novel *Azrul Wira Anak Laut* karya Hassan Omar yang diterbitkan pada tahun 2006 tidak dinilai kerana novel ini telah dilupuskan. Perkara ini telah disahkan oleh pihak Perpustakaan Negara dan juga penerbit novel tersebut. Oleh yang demikian, setelah diselidiki secara keseluruhannya didapati hanya tiga belas buah novel kanak-kanak sahaja yang akan menjadi batasan dalam kajian ini.

Sehubungan itu, kriteria pemilihan ini adalah menjurus kepada novel kanak-kanak yang hanya dikhususkan untuk bacaan kanak-kanak berumur antara 9 tahun hingga 12 tahun sahaja. Hal ini juga, dapat diteliti pada kulit hadapan setiap novel sayembara Dewan Bahasa dan Pustaka yang menyatakan kategori 9 hingga 12 tahun. Manakala, untuk Hadiah Sastera Perdana Malaysia pula, kajian juga berfokus kepada novel kanak-kanak dalam kategori C sahaja iaitu novel kanak-kanak 7 hingga 12 tahun. Perkara ini juga boleh diteliti dalam laporan panel Hadiah Sastera Perdana Malaysia yang diterbitkan dalam majalah *Dewan Sastera*.

Jadual 1: Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM)

Bil.	Tahun	Tajuk Novel	Pengarang	Terbit
1	2016/2017	<i>Iqbal Membina Jaya</i>	Radzemah Bolhassan	/
2	2014/2015	<i>Rahsia Dhia!</i>	Zainun Mustapha	/
3	2012/2013	<i>Suteki Da Ne Aleena</i>	Mass Ruhaiza Ali	/
4	2010/2011	<i>Beruk</i>	Azizi Haji Abdullah	/
5	2008/2009	<i>Umairah dan Kuda Putih</i>	Kursyi Hirdan	/
6	2006/2007	<i>Azrul Wira Anak Laut</i>	Hassan Omar	/

Jadual 2: Sayembara Menulis Novel Kanak-kanak dan Remaja DBP 2006/2007

Anugerah	Tajuk Novel	Pengarang/ Peserta Melayu	Terbit
1	<i>Ekspedisi Merentas Zaman</i>	Nolidah Mohd	/
2	<i>Musim Gugur Terakhir Di Hachioji</i>	Hameer Habeeb Mohd Abdul Settar	/

3	<i>Lubuk Kuzen</i>	Rohaidah Daud	-
Sagu Hati	<i>Kembara Di Laut Artikaz</i>	Noraini Osman @ Noorainie	-
Sagu Hati	<i>Senyum Kota Suriah</i>	Othman	/
Sagu Hati	<i>Mencari Lembu Hilang</i>	Ummi Hani Abu Hassan	/
		Ab Jalil Alimon	/

Jadual 3: Sayembara Menulis Novel dan Skrip Drama Kanak-kanak dan Remaja DBP 2009/2010

Anugerah	Tajuk Novel	Pengarang	Terbit
1	<i>Rahsia Bukit Ugad</i>	Fauziah Abdul Ralip	-
2	<i>Gerbang Pelangi</i>	Rohaidah Yon	/
3	<i>Sahabatku, Isa YB</i>	Hasniah Hussain	/
Sagu Hati	<i>Putat Ugai</i>	Syed Mahadzir Syed Ibrahim	/
Sagu Hati	<i>Iqbal Membina Jaya</i>	Radzemah Bolhassan	/
Sagu Hati	<i>Mata Merah Kera Hantu</i>	Rosli Mohamad Ali	/

Jadual 4: Sayembara Menulis Novel Sains Angkasa DBP 2013/2014

Anugerah	Tajuk Novel	Pengarang	Terbit
1	(tiada pemenang)	-	-
2	<i>Sahabat Dari Marikh</i>	Marini binti Zahri	-
3	<i>Satelit Angkasa 1000</i>	Nur Afiqah Rozali	-

Petunjuk: (/) terbit, (-) tidak terbit

1.7 Latar Belakang Pendekatan *Tarbiyatul Aulad Fil-Islam*

Kajian ini akan menggunakan pendekatan daripada kitab *Tarbiyatul Aulad Fil-Islam* oleh Abdullah Nashih Ulwan sebagai kerangka analisis bertujuan mengenal pasti dan merumuskan aspek tarbiah. Pendekatan berteraskan Islam ini dipilih sebagai kerangka analisis adalah kerana mengutarakan konsep “pendidikan” khusus untuk kanak-kanak bermula daripada usia baru lahir sehingga kepada umur dewasa. Pentingnya pendidikan seawal usia kanak-kanak ini kerana perlu kepada ilmu yang dapat membentuk golongan ini mengenali Yang Maha Pencipta. Penerapan aspek iman, akhlak, jasmani, mental, psikologi dan sosial merupakan pemacu kepada kejayaan umat Islam mencapai tahap dan hidup yang mulia. Menurut Abdullah Nashih Ulwan (2015: xxxv) umat Islam dapat mencapai kemenangan yang kukuh, perpaduan yang utuh dan kegemilangan yang agung bermula dengan asas yang utama iaitu pendidikan. Pendidikan individu, keluarga, masyarakat dan kemanusiaan menjadi keutamaan Islam demi membentuk dan melahirkan anggota masyarakat yang berguna dan beriman. Justeru, peneguhan amalan pendidikan dalam penulisan karya sastera kanak-kanak khususnya novel dapat membentuk pembaca mencapai ketinggian akhlak dan keharmonian kehidupan sebagaimana dianjurkan dalam agama Islam.

Oleh itu, Abdullah Nashih Ulwan sendiri telah menyusun tujuh aspek tarbiah dalam kitab ini untuk ditekan dalam pembelajaran kanak-kanak beragama Islam. Namun dalam konteks kajian ini hanya melibatkan kanak-kanak yang berumur 9 hingga 12 tahun maka aspek ke tujuh iaitu pendidikan seksual tidak dimasukkan. Menurut Abdullah Nashih Ulwan perkara utama yang perlu diterapkan dalam diri kanak-kanak ialah tarbiah iman, kedua tarbiah akhlak, ketiga tarbiah jasmani, keempat tarbiah mental, kelima tarbiah psikologi dan keenam ialah tarbiah sosial. Melalui pembahagian enam konsep ini, Abdullah Nashih Ulwan turut memperjelaskan pendekatan ini dengan memberi pecahan yang lebih kecil supaya kefahaman yang baik boleh dimiliki pembaca. Justeru, pembincangan berkaitan pecahan ini diperincikan dalam Bab III berikut.

1.8 Definisi Konsep

Kajian akan diteruskan dengan memberikan penjelasan berkaitan beberapa istilah yang diguna pakai sepanjang proses penelitian. Tiga istilah penting akan diberikan takrifan iaitu “novel”, “kanak-kanak” dan “novel kanak-kanak”:

1.8.1 Novel

Pada bahagian ini istilah “novel” itu sendiri akan diterangkan berdasarkan beberapa pandangan tokoh. Pertamanya, menurut Othman Puteh (1999: 7), novel ialah salah satu karya kreatif berimajinatif yang berupaya menawarkan pelbagai fenomena insan dan keinsanan serta kehidupan yang pelbagai jagatraya. Novel juga sebagai cerita naratif yang bersifat imajinatif pada *ghalibnya* ada kelogikan, kemunasabahan, kebenaran dan dapat pula dihubungkan dengan perilaku insan sama ada secara polos mahupun sebaliknya. Menurut S. Othman Kelantan (1987: 16) istilah novel membawa maksud rakanan kehidupan manusia yang ditulis dalam bentuk kreatif. Seterusnya, menurut Sahlan Mohd. Saman dan Che Abdullah Che Ya (2005: 127) pula, novel ialah cereka yang menggambarkan sifat realiti objektif tentang kehidupan manusia dalam pemilihan watak, latar, tema dan sesuatu corak pemikiran yang jelas dan rasional. Istilah novel dalam makna yang longgar walaupun ada gambaran realiti objektif tentang kehidupan insan dalam pembinaan watak, latar dan sebarang pemikiran. Menurut Misran Rokimin (2006: 71) pula, novel ialah alat media dalam kategori *the representational media* yang menyebarkan mesej mengandungi penuh informasi kepada pembaca.

Selanjutnya, definisi novel daripada Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Asiah Abdul Rahman (2011: 65) iaitu istilah novel berasal daripada perkataan Itali “novellat” yang membawa maksud “perkhbaran baru”. Novel juga dimaksudkan sebagai kisah rekaan (fiksyen) atau cereka panjang. Menurut A. Wahab Ali (2012: 3), istilah novel digunakan untuk merujuk naratif prosa yang panjang dan cereka. Novel berbeza bentuk dengan cereka prosa lain seperti cerpen dan novelet

yang mempunyai struktur yang mirip novel. Manakala menurut Halis Azhan Mohd. Hanafiah (2014: 33) pula yang berpendapat istilah novel ialah sebuah karya sastera prosa yang digarap melalui penggabungan aspek-aspek sastera iaitu tema, plot, watak-perwatakan, latar, sudut pandangan, gaya bahasa, nilai dan pengajaran yang dilakukan secara kreatif, kritis dan imaginatif oleh penulis dalam menggambarkan pelbagai isu dan persoalan yang berlegar dalam kehidupan manusia pada sesuatu tempat dan masa. Novel hadir sebagai cerita kekeluargaan dan kemasyarakatan, kerohanian, sejarah, fiksyen sains, fantasi, futuristik, seram dan sebagainya. Beliau turut memetik beberapa pandangan Barat berkaitan istilah novel iaitu Forster (1985) menyatakan novel mengandungi tidak kurang 50,000 patah perkataan. Manakala Shipley (1970) memberi takrif novel sebagai karya prosa naratif yang panjang.

Selanjutnya, menurut Maisarah Yaakob (2017: 19) novel ialah cereka yang dijalin dalam sebuah prosa panjang yang merakamkan pelbagai peristiwa meliputi manusia, binatang atau makhluk-makhluk lain. Pengarang mengolah penceritaan berdasarkan watak-watak, pengembangan plot cerita dan memasukkan unsur fiksyen berdasarkan pengalaman peribadi atau pengalaman dalam masyarakat dan permainan peribadi. Hasil pemahaman yang diterima daripada pandangan tokoh-tokoh tersebut dapat disimpulkan bahawa istilah “novel” itu merujuk kepada karya kreatif berbentuk prosa panjang yang mengutarakan kisah realiti dan fantasi dengan merakam pelbagai fenomena insan melalui penerapan unsur tema, plot, perwatakan, latar, sudut pandangan, gaya bahasa, nilai dan pengajaran dalam menyampaikan pemikiran pengarang kepada pembaca.

1.8.2 Kanak-kanak

Secara umumnya, definisi kanak-kanak boleh dirujuk melalui sudut perundangan iaitu Akta 611, Akta Kanak-kanak 2001 yang mendefinisikan seorang yang masih berumur di bawah 18 tahun dikenali sebagai kanak-kanak. Manakala, merujuk kepada portal rasmi Kementerian Pendidikan Negara, menyatakan kanak-kanak akan mula bersekolah di sekolah rendah pada usia 7 tahun dan dibahagikan kepada dua tahap iaitu tahap 1 ialah kanak-kanak berumur 7 tahun hingga 9 tahun manakala tahap 2 ialah kanak-kanak berumur 9 tahun hingga 12 tahun. Selain, membaca, mengira dan menulis mereka juga akan diajar subjek yang lain seperti sains, pendidikan jasmani, pendidikan Islam dan moral. Pada penghujung persekolahan iaitu 12 tahun mereka akan menghadapi Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Manakala takrifan daripada Konvention Hak Asasi Kanak-kanak (CRC) 1989, menyatakan kanak-kanak ialah individu di bawah umur 18 tahun. Kanak-kanak dikategorikan melalui beberapa peringkat iaitu bayi berusia antara 0 – 1 tahun, anak tatih berusia 1 – 2 tahun, awal kanak-kanak berusia 2 – 4 tahun, kanak-kanak berusia 4 – 6 tahun, kanak-kanak pertengahan berusia 7 – 12 tahun, remaja berusia 13 – 16 tahun dan awal belia berumur 17 – 18 tahun. Manakala menurut Laman Wab Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2018) makna kanak-kanak dinyatakan daripada sudut istilah merupakan suatu ciri yang dikaitkan dengan manusia semenjak kelahirannya sehingga dia bermimpi iaitu baligh. Daripada sudut tradisi Islam definisi kanak-kanak dihubungkan dengan keadaan akil baligh.

Diteruskan, kepada pendapat tokoh berkaitan dengan istilah “kanak-kanak” ini. Menurut Awang Had Salleh (1984: 93), kanak-kanak luas bidang umurnya, di antara dua tahun sehingga lima belas tahun. Setiap peringkat umur berbeza daripada segi kematangan, kekayaan perbendaharaan kata, minat, penguasaan struktur ayat, pengalaman dan sebagainya. Manakala, Kasmini Kassim (1993: 11) pula membahagikan kanak-kanak kepada tahun pertama, tahun kedua, umur dua hingga lima tahun dan enam hingga sepuluh tahun. Menurut beliau lagi, kanak-kanak yang berumur enam hingga sepuluh tahun ini sudah mengenali diri sendiri antara lelaki dengan perempuan, sudah bersekolah, banyak mempelajari perkara baru, pandai membaca, mengira dan menulis. Mereka sudah bersosial seperti berkawan, berkongsi, bertolak ansur, bergaduh serta pandai melakukan aktiviti berkumpulan. Tabiat mereka akan terbentuk sedikit demi sedikit pada peringkat ini dan berusaha meningkatkan harga diri mereka.

Seterusnya, pandangan daripada Julia Unggai (2000: 13 – 14) pula, membahagikan kanak-kanak kepada dua peringkat iaitu peringkat perkembangan Sosial Kanak-kanak Awal 2 – 6 tahun dan peringkat perkembangan Sosial Kanak-kanak Akhir 6 – 12 tahun. Melalui pembahagian ini beliau menegaskan kanak-kanak berbeza daripada segi sosialnya, perkembangan moral mengikut peringkat umur. Menurut Othman Puteh (1989: 22), kanak-kanak perempuan atau lelaki yang berada dalam lingkungan usia 6 tahun hingga 12 tahun dirujuk sebagai kanak-kanak. Pengelompokan ini berdasarkan kepada kanak-kanak yang sudah pandai membaca dan berada di pra sekolah dan sekolah rendah. Manakala pendapat daripada Jas Laile Suzana Jaafar (2002: 7), menyatakan kanak-kanak dikategorikan kepada empat bahagian iaitu, pra lahir iaitu mengandung sehingga lahir, bayi iaitu dua tahun pertama, kanak-kanak awal iaitu tiga hingga lima tahun dan kanak-kanak pertengahan ialah enam tahun sehingga sebelas tahun. Sehubungan itu, menjelaskan kanak-kanak pertengahan ini sudah boleh membaca, menulis dan mengira. Mereka juga ingin berjaya dan mencapai sesuatu yang diidamkan. Oleh itu, ibu bapa amat penting ketika ini untuk memperhatikan perkembangan moral dan psikososial. Menurut Mohd Sharani Ahmad (2006: 15), menjelaskan peringkat kanak-kanak ialah berumur antara dua tahun sehingga akil baligh.

Menurut Md Sidin Ahmad Ishak (2015: 9) juga berpendapat, kanak-kanak terbahagi kepada kelompok pembaca kanak-kanak yang berada di peringkat belum bersekolah sehingga sekolah rendah iaitu antara umur 0 sehingga 12 tahun. Nur Hidayu Jaafar (2015: 6), berpendapat kanak-kanak ialah anak kecil yang belum mencapai baligh serta belum mampu membuat keputusan sendiri. Kanak-kanak merupakan seorang yang masih memerlukan penjagaan, perlindungan dan pengawasan daripada kedua ibu bapa atau orang dewasa. Kanak-kanak terbahagi kepada peringkat kanak-kanak awal serta kanak-kanak pertengahan dan akhir iaitu kanak-kanak awal berusia antara bayi sehingga berumur 6 tahun. Manakala kanak-kanak pertengahan dan akhir ini pula berusia antara 7 tahun hingga 12 tahun.


Setelah meneliti dan memahami pendefinisian berkaitan kanak-kanak yang telah diajukan oleh kesemua tokoh di atas, dapat difahami bahawa istilah kanak-kanak ini

ditandai dengan usia seseorang itu. Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa kanak-kanak ialah individu berumur antara 2 tahun sehingga 12 tahun dan masih lagi bersekolah di sekolah rendah.

1.8.3 Novel kanak-kanak

Seterusnya, perbincangan akan melihat kepada pendefinisan yang diberikan tokoh berkaitan dengan istilah “novel kanak-kanak” ini. Pandangan pertama daripada Hadijah Rahmat (2006: 40) iaitu novel kanak-kanak terbahagi kepada lima kategori iaitu novel pengembaraan/penyiasatan, novel keluarga, novel cereka sains, novel sejarah dan novel satira dan realisme. Menurut Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali dan Madiawati binti Mamat@Mustaffa (2018: 111) pula novel kanak-kanak merupakan novel yang dihasilkan untuk bacaan kanak-kanak namun tidak dihadkan kepada pembaca kanak-kanak sahaja tetapi juga boleh dibaca oleh remaja dan orang dewasa. Manakala Roshani binti Abdullah (2007: 50) pula, menyatakan novel kanak-kanak di Malaysia iaitu novel kanak-kanak bertemakan kekeluargaan, novel kanak-kanak bertemakan sejarah, novel kanak-kanak bertemakan sains fiksyen dan novel kanak-kanak bertemakan pengembaraan. Menurut Halis Azhan Mohd Hanafiah (2019: 49), dalam temu bual bersama Amer Hamzah menjelaskan bahawa novel kanak-kanak lebih mudah garapannya berbanding novel remaja. Penulisannya mudah difahami kanak-kanak, ceritanya tidak terlalu berat dan panjang serta plotnya juga mudah difahami. Manakala menurut Hafizah Iszahanid (2019: 98) dalam temu bual bersama Nik Rafidah Nik Muhammad Affandi menyatakan novel kanak-kanak ditulis daripada kaca mata kanak-kanak sendiri yang mempunyai hubungan kekeluargaan dan rakan-rakan yang lebih rapat. Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa novel kanak-kanak ialah novel yang bertemakan pengembaraan, kekeluargaan, sains fiksyen, satira dan realisme mempunyai gaya penulisan yang mudah dan dapat difahami oleh kanak-kanak.

1.9 Kerangka Konseptual



1.10 Proses Kajian

Berdasarkan kerangka di atas boleh dilihat kajian yang bertajuk “Aspek Tarbiah dalam Novel Kanak-kanak Sayembara Dewan Bahasa dan Pustaka Berdasarkan Pendekatan *Tarbiyatul Aulad Fil Islam* oleh Abdullah Nashih Ulwan” akan meneliti novel daripada empat siri peraduan menulis novel kanak-kanak bermula dari tahun 2006 sehingga tahun 2016. Peraduan tersebut ialah Hadiah Sastera Perdana Malaysia, Sayembara Menulis Novel Kanak-kanak dan Remaja DBP 2006/2007, Sayembara Menulis Novel dan Skrip Drama Kanak-kanak dan Remaja DBP 2009/2010 dan Sayembara Menulis Novel Sains Angkasa DBP 2013/2014. Hasil daripada penganjuran ini dikenal pasti sebanyak tiga belas buah novel yang diterbitkan iaitu tujuh buah novel yang memenangi sayembara daripada Dewan Bahasa dan Pustaka serta enam buah novel yang memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia.

Selanjutnya, kajian ini juga akan mengaplikasikan pendekatan pendidikan kanak-kanak menurut Islam yang dibina dalam kitab *Tarbiyatul Aulad Fil Islam* dengan enam pendidikan iaitu pendidikan iman, pendidikan akhlak, pendidikan jasmani, pendidikan mental, pendidikan psikologi, dan pendidikan sosial. Setiap enam pendekatan ini sudah pasti mempunyai pecahan tersendiri yang akan diperjelaskan dalam Bab III nanti.

Oleh itu, rumusan akan dibina dalam kajian ini adalah untuk memperlihatkan kepentingan konsep pendidikan Islam yang telah diaplikasikan dalam novel kanak-kanak terpilih. Hubung kait antara teori berteraskan agama dan konsep pendidikan Islam ini sudah pastinya akan meneliti dan mengesan kekuatan mahupun kekurangan yang terdapat dalam novel tersebut. Hal ini pasti akan membuktikan kewajaran karya yang diangkat sebagai pemenang dalam peraduan menulis tersebut disebabkan mutu dan kekuatan yang dimilikinya.

1.11 Kesimpulan

Pengaplikasian pendekatan berteraskan Islam dalam penulisan karya sastera ini perlu dipandang serius oleh masyarakat supaya karya yang terhasil dapat mendidik anak-anak pada era globalisasi kini. Pendekatan berteraskan Islam sudah diketahui keupayaannya dalam menilai karya kreatif perlu digunakan kepada novel yang memenangi sayembara penulisan supaya menepati peranannya kepada masyarakat. Dilihat kerancangan bidang penulisan novel kanak-kanak melalui penganjuran pelbagai sayembara yang telah menghasilkan banyak karya baharu. Ganjaran wang ringgit sebagai hadiah kepada pemenang menyebabkan penulis berlumba-lumba menghasilkan karya untuk merangkul kejuaraan. Kebimbangannya apabila terdapat penulis hanya mementingkan ganjaran daripada sayembara tersebut sehingga meringgirkan tugas utama untuk menulis kerana mendidik. Selain itu, kebimbangan juga terarah kepada kriteria penilaian yang dilihat terlalu umum dan hanya menggunakan kebijaksanaan panel tanpa dinilai menggunakan pendekatan teori yang khusus. Hal ini berkemungkinan akan berlakunya kesilapan dalam penilaian yang

memungkinkan karya yang kurang menyetengahkan pendidikan Islam diangkat sebagai pemenang. Oleh itu, amat penting sebelum karya diangkat sebagai pemenang perlu dinilai menggunakan sebuah teori khusus yang berteraskan Islam seperti yang akan ditangani oleh kajian ini. Seterusnya, dalam bab II akan dilakukan sorotan terhadap kajian lepas berkaitan novel kanak-kanak.



BIBLIOGRAFI

- Az-Zikir Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim (Rasm Uthmani) dalam Bahasa Melayu, 2012. Shah Alam: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- A. Wahab Ali. 2012. Kemunculan Novel dalam Sastera Moden Indonesia dan Malaysia: Satu Kajian Perbandingan. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ab Jalil bin Alimon, 2009. Mencari Lembu Hilang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ali, 2014. *Teori Takmilah Perluasan & Penafsiran*. Tanjong Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Abdul Munir Ismail, Mohd Noor Daud, 2014. Suatu Analisis Pendekatan Abdullah Nashih Ulwan dalam Menangani Penyelewengan Terhadap Pendidikan Anak-anak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, Volume 3, No 1, 2014. hln 14 – 35.
- Abdullah Nashih Ulwan, 2015. Jilid 1 Tarbiyahtul Aulad Fil Islam Mencorak Peribadi Awal Anak. Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdullah Nashih Ulwan, 2015. Jilid 2 Tarbiyahtul Aulad Fil Islam Menggilap Sinar Peribadi Anak. Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdullah Nashih Ulwan, 1996. Pedoman Pendidikan Anak-anak dalam Islam. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Abu Bakar Yang. 2005. Pertembungan Etika dengan Akhlak. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad Nasir Mohd Yusoff, 2019. 101 Soal Jawab Halal. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Alimah Salam. “Memperkasakan Karya Sastera Kanak-kanak”. dlm *Dewan Sastera*, September, hlm 39-43, 2010.
- Aminah Ayob, Rohani Abdullah, Nani Menon, Jameyah Shariff. 2015. Modul Pendidik/Pengasuh Kursus Asuhan & Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA Negara. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Anwar Ridhwan. 2016. Budaya dan Rakyat Kumpulan Artikel Anwar Ridhwan. Shah Alam: AR Matrix Enterprise.
- Anwar Ridhwan. 2016. Potpuri Budaya, Sastera dan Seni Jilid III. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Asiah Abdul Rahman, 2011. *Sastera Melayu Suatu Pengantar Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn Bhd.
- Awang Had Salleh. 1984. *Prinsip-prinsip Penulisan yang Baik Untuk Buku Kanak-kanak: Tema, Struktur dan Bahasa*. dlm *Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Abdullah, 2010. *Beruk*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holding Sdn Bhd.
- Baha Zain. "Hadiah dan Genre Persuratan Kanak-kanak". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2006.
- Chew Fong Peng, Mahzan Arshad, Zahari Ishak, Loh Sau Cheong, The Ying Wah. "Pendidikan Kesusasteraan Awal Kanak-kanak: Isu dan Masalah". University Of Malaya UM Repository. 2008.
- Devi Vionitta Wibowi, Ririn Dwi Wiresti, 2020. Analisis Kajian Kitab Arab: Edukasi Akhlak Prasekolah Perspektif Abdullah Nashih Ulwan. *Jurnal MURARRISUNA: Media Kajian Pendidikan Agama Islam*. Volume 10. No 2. hln 75 – 91.
- Edi Iskandar, 2017. Mengenal Sosok Abdullah Nashih Ulwan dan Pemikirannya Tentang Pendidikan Islam. *Akademika Jurnal Keagamaan dan Pendidikan Online Jurnal Publication Kampus Melayu*. Volume XIII. hln 50 – 67.
- Hadijah Rahmat, 2006. *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halimah Mohamed Ali, Mohamad Luthfi Abdul Rahman, 2014. *Sastera dalam Budaya dan Media*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Halis Azhan bin Mohd Hanafiah. 2014. *Dinamika Tema Dalam Novel Remaja Di Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Hamidi Ismail. 2012. *Etika Sebagai Teras Pembangunan Jagat*. dlm. *Etika dalam Tadbir Urus Pembangunan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Hamir Habeed Mohd Abdul Settar, 2009. *Musim Luruh Terakhir di Hachioji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harpanshah. 2017. *Pendidikan Anak dalam Perspektif Abdullah Nashih Ulwan (Telaah Atas Kitab Tarbiyahtul Aulad Fil Islam)*. Palembang: Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan Universitas Islam Negeri Raden Fatah.
- Hasniah Hussain. 2016. *Sahabatku Isa YB*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Jafri Abdullah, Suhaimi Ab. Rahman dan Zaidah Mohd Nor. 2011. *Pengurusan Halal di Malaysia. dlm Pengurusan Produk Halal di Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Jamiludin Usman. 2018. Kaedah-kaedah Dasar Pendidikan Anak (Studi Komparasi Pemikiran Abdullah Nashih Ulwan dengan Maria Montessori). *TADRIS: Jurnal Pendidikan Islam*. Volume 13, No. 1, hln 150 – 166.
- Jas Laile Suzana Jaafar. 2002. *Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Julia Unggai. “Sastera Membentuk Moral Kanak-kanak” dlm *Dewan Sastera*, Oktober, hlm 12-15, 2000.
- Kamariah Kamarudin, 2011. *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamariah Kamarudin, 2014. *Novel Melayu dalam Pelbagai Perspektif*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kasmini Kassim. 1993. *Memahami Jiwa Kanak-kanak*. Petaling Jaya: Kafarina Holdings Sdn. Bhd.
- Khairil Mustofa. 2014. Konsepsi Pendidikan Islam Menurut Abdullah Nashih Ulwan. *Jurnal Studi Islam Pasca Wahana*. Volume 9, No 1. hln 67 – 84.
- Kusyi Hirdan. 2008. *Umairah dan Kuda Putih*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Lusi Kurnia Wijayanti. 2018. *Pemikiran Pendidikan Anak Usia Dini Perspektif Maria Montessori dan Abdullah Nashih Ulwan (Studi Analisis Komparatif)*. Malang: Universitas Islam Negeri Maulaa Malik Ibrahim.
- Maisarah Yaakob, 2017. *Tarbiah dalam Novel KOMSAS*. Tesis Phd yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mana Sikana, 2005. *Sastera Sanjungan*. Singapore: UTS Printing & Enterprise.
- Mana Sikana. 1996. *Falsafah dan Seni Kreatif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mardzelah Makhsin. 2007. *Sains Pemikiran dan Etika*. Batu Caves: PTS Publications & Distributors.
- Maslida Yusof, Mohammed Azlan Mis, Yusmilayati Yunos dan Mohd Rodzi Razak. 2015. Pendahuluan. *dlm Malaysia-Indonesia Bahasa Sastera dan Budaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mass Ruhaiza Ali. 2013. *Suteki Da Ne Aleena*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

- Md Sidin Ahmad Ishak. 2005. *Perkembangan Sastera Kanak-kanak di Malaysia Buku Melayu Mencari Nafas Baru*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Md Sidin Ahmad Ishak. 2004. "Pembangunan Buku Kanak-kanak dan Remaja: Analisis Umum Peraduan dan Anugerah Sastera Di Malaysia". *Jurnal Pengajian Media Malaysia*.
- Membunga Siti Meriam. "Sastera Kanak-kanak dan Pembentukan Minda". dlm *Dewan Sastera*, November, hlm. 37-40, 2005.
- Misran Rokimin. 2006. *Isu Pendidikan dan Pembangunan Insan Menerusi Novel*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Misran Rokimin. "Penerapan Ideologi Negara dalam Sastera Kanak-kanak" dlm, *Dewan Sastera*, Oktober, hlm 16-17, 2000.
- Mior Muhammad Saiful Nizam bin Mohd Saali, 2014. Nilai Pendidikan dalam 25 Rasul Untuk Mendidik Kanak-kanak Berdasarkan Pendekatan Islam. Tesis Master yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohammad Aizat Jamaludin dan Mohd Anuar Ramli, 2011. Sumber Asas Penentuan Halal Haram Terhadap Berangan Gunaan. dlm *Halal Haram dalam Kepenggunaan Islam Semasa*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Faizal Musa. 2012. *Wacana Sastera Islam di Malaysia & Indonesia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sharani Ahmad. 2006. *Psikologi kanak-kanak*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Shukrey Ahmad. 2016. Nilai Islam dalam Komik Majalah Dewan Pelajar. *Tesis Master yang tidak diterbitkan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Zuhdi Marsuki dan Amer Saifude Ghazali. 2002. *Etika Alam Sekitar Daripada Perspektif Islam, Timur dan Barat*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Molina S, Nijhar, 1984. Apakah Sastera Kanak-kanak – Khususnya Buku Bergambar. dlm *Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Abul Quasem. 1975. *Etika Al-Ghazali Etika Majemuk Di Dalam Islam*. Bandung: Penerbit Pustaka.
- Muhammad Helmi bin Jalil. 2013. *Pembangunan Insan dalam Karya Hamka: Satu Analisis Kritis*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Muhammad Nur Abdullah Hafiz Suaid. 2006. *Didik Anak Cara Rasulullah SAW*. Kuala Lumpur: Al-Izzath Sri Petaling Emporium.
- Naili Mufarrohah. 2018. Konsep Pendidikan Anak Perspektif Abdullah Nashih Ulwan dan Relevansinya Terhadap Moral Peserta Didik. Tesis Program Pendidikan Agama Islam. Surabaya: Fakultas Tarbiya dan Keguruan, Universiti Islam Negeri Sunan Ampel.
- Nazrie Haslieanie. 2013. *Budak Tin*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Nolida Mohd. 2009. *Ekspedisi Merentas Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nor Alina Ong. 2007. Children and Young Adults' Award Winning Literature in Malaysia, 1957 – 2006: A Bibliographic Study". Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nur Hidayu binti Jaafar. 2015. Refleksi Animasi Upin dan Ipin dalam Ujaran Kanak-kanak. Tesis Ijazah Master. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Othman Puteh, 1984. *Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. 1989. *Sastera Remaja Ditinjau Daripada Beberapa Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. "Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja: Satu Kesan dan Saranan". dlm *Dewan Sastera*, November, hlm 21-24, 1983.
- Othman Puteh. 1999. *Wadah Bahasa dan Sastera Penulisan Cereka Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. "Globalisasi dan Kesusasteraan Kanak-kanak". dlm *Dewan Sastera*, Oktober, hlm 10-11, 2000.
- Othman Puteh. 2001. *Penulisan Kreatif: Teori, Pengalaman dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Radzemah Bolhassan. 2015. *Iqbal Membina Jaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaidah Yon. 2015. *Gerbang Pelangi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozninah Abd. Azib "Laporan Panel Penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2006/2007" dlm. *Dewan Sastera*, Mac, hlm. 9-25, 2010.
- Rohayati Junaidi, 2019. Pengaruh Ekologi Terhadap Perwatakan Kanak-kanak dalam Novel-novel Hadiah Sastera Perdana Malaysia. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat @Mustaffa, 2018. Persekitaraan Kanak-kanak dalam Novel *Beruk*. GEMA Online Journal of Languages Studies.
- Rosli Mohamad Ali. 2017. *Mata Merah Kera Hantu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roshani binti Abdullah. 2007, Kajian Unsur-unsur Pembentukan Sahsiah dalam Novel Kanak-kanak. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rubaidin Siwar. 1984. Sekitar Fiksyen Kanak-kanak. *dlm* Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Othman Kelantan. 1987. *Kecenderungan Baru dalam Novel Melayu: Satu Kajian Struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Amaliati. 2020. Pendidikan Karektor Perspektif Abdullah Nashih Ulwan dalam Kitab Tarbiyatul Aulad Fil Islam dan Relensinya Menjawab Problematika Anak di Era Milenial. *Child Education Journal*. Volume 2, No 1. hlm 34 – 47.
- Shafie Abu Bakar. 1990. *Hikam Melayu: Kajian Falsafah dan Etika*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Bangi: Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahnon Ahmad. 2004. Teks Azab Allah: Juzuk yang Digeruni dalam Sastera Islam. *dlm* Mohamed Anwar Omar Din (penyunting) Sastera Islami Citra Nurani Ummah. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Shahnon Ahmad. 1981. *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Shakira Kharudin. 2018. Sastera Sumber Pengajaran. *dlm* Majalah *Dewan Pelajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syaikh Wahbi Sulaiman Al-Ghawaji Al-Albani, 1996. *dlm Pedoman Pendidikan Anak-anak dalam Islam*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Syed Mahadzir Syed Ibrahim, 2019. *Putat Ugai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ummu Hani Abu Hassan, 2009. *Senyum Kota Suriah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir, Zulkarnain Mohamed. 2020. *Watak dan Perwatakan dalam Sastera Islam*, Barat, Melayu. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Wan Mohd Nor Wan Daud. 2014. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquid Al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Zainun Mustapha. 2014. *Rahsia Dhia!*. Kuala Lumpur: Koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka (M) Berhad.

Zahir bin Ahmad, 2005. Peranan Sastera Islam dalam Pembentukan Akhlak Penduduk Alam Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 15.

Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail, dan Noranizah Yusuf, 2012. Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*. hlm 155 – 172.

Zaini Anwar, 2019. Pendidikan Sosial dalam Perspektif Abdullah Nashih Ulwan (1928- 1987M) Studi Terhadap Kitab Tarbiyah al-Aulad Fi al-Islam. *Jurnal Riset dan Kajian Agama Islam*. Volume 2, No 1. hln 60 – 77.

BIODATA PELAJAR

Mohd Shukrey Ahmad dilahirkan pada 15 September 1990 di Maran, Pahang. Beliau telah mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Ampuan Afzan Chenor Maran dan melanjutkan pengajian pada Ijazah Sarjana Muda (2013) di Universiti Putra Malaysia dalam bidang Kesusasteraan Melayu. Beliau juga memperoleh Ijazah Master (2016) dari Universiti Putra Malaysia dalam bidang Kesusasteraan Melayu dengan kajian berjudul “*Nilai Islam Dalam Komik Majalah Dewan Pelajar*”. Kini beliau telah menamatkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (2022) di Universiti Putra Malaysia dengan kajian berjudul “*Aspek Tarbiyah dalam Novel Kanak-kanak Sayembara Dewan Bahasa dan Pustaka Berdasarkan Pendekatan Tarbiyahatul Aulad Fil Islam oleh Abdullah Nashih Ulwan*”. Sehubungan itu, beliau juga telah menghasilkan beberapa makalah dan karya kreatif sebagai sumbangan dalam bidang Kesusasteraan Kanak-kanak.

SENARAI PENERBITAN

Citation Indeks Journal (CIJ)

- Mohd Shukrey Ahmad, Kamariah Kamarudin, Nadiatul Shakinah Abdul Rahman. 2021. Financial Management of Family Institutions in Iqbal Membina Jaya Children's Novel. Vol. 11, No 7, 2021, Pg. 1395 – 1411. (HRMARS)
- Mohd Shukrey Ahmad, Kamariah Kamarudin, Mohd. Zariat Abdul Rani, Pabiyah Hajimaming@Toklubok & Samsilah Roslan. 2021. Families As A Guideline For Children According To *Tarbiyatul Aulad Fil Islam*. (HRMARS)

Non-Citation Indeks Journal (NON-CIJ)

- Mohd Shukrey Ahmad, Kamariah Kamarudin. “Nilai Islam dalam Komik Majalah *Dewan Pelajar*” dlm. *Jurnal Melayu*. Bil. 17 (1), hlm. 49 – 73, 2018.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : Semester Kedua 2021/2022

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

ASPEK TARBIAH DALAM NOVEL KANAK-KANAK SAYEMBARA DEWAN BAHASA DAN
PUSTAKA BERDASARKAN PENDEKATAN *TARBIYATUL AULAD FIL ISLAM* OLEH
ABDULLAH NASHIH ULWAN

NAMA PELAJAR : MOHD SHUKREY BIN AHMAD

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]